

---

**PENDENGARAN AWAM JAWATANKUASA PILIHAN KHAS  
BERHUBUNG PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHAN RAYA  
DEWAN SRI PINANG, LEBUH LIGHT PULAU PINANG**

**JUMAAT, 16 Disember 2011**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad [Kangar] - *Timbalan Pengerusi*  
YB. Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]  
YB. Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]  
YB. Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]  
YB. Tuan Loke Siew Fook [Rasah]  
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

**Tidak Hadir [Dengan Maaf]:**

YB. Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili  
[*Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi*] - Pengerusi  
YB. Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]  
YB. Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]  
YB. Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]

**URUS SETIA**

Encik Mohd Ikram bin Seri @ Rahimi [Penolong Setiausaha Kanan  
(Perundangan dan Prosiding)]  
Encik Zulfazly bin Mohammad [Penolong Setiausaha II (Perundangan dan Prosiding)]

**HADIR BERSAMA**

**Parlimen Malaysia**

Encik Noor Rosidi bin Abdul Latif [Penasihat Undang-undang]

**Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia**

YBhg. Dato' Haji Noordin Che Ngah [Timbalan Setiausaha (Pilihan Raya)]  
Encik Harun Che Su [Timbalan Setiausaha (Penyelidikan)]  
Encik Ibrahim Saad [Setiausaha Bahagian (Penyelidikan)]  
Encik Suhaimi bin Saudi [Setiausaha Bahagian (Pengurusan)]  
Cik Yusniati Ishak [Setiausaha Bahagian (Pendaftaran Pemilih)]

*samb/-*

---

**HADIR BERSAMA** (samb/-)**Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia** (samb/-)

Tuan Haji Kamaruddin bin Haji Keling [Setiausaha Bahagian  
(Teknologi Maklumat dan Komunikasi)]  
Encik Abdul Basit bin Mohd Nawawi [Penolong Setiausaha (PSM 1), Unit Pentadbiran Awam]  
Encik Mohd Azizan bin Abdullah [Penolong Setiausaha (PR 2) Unit Penguatkuasaan]  
Encik Hamzah Mohd Noor [Penolong Setiausaha (Akademi Pilihan Raya) 3]  
Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad [Pegawai Latihan (Akademi Pilihan Raya) 2]  
Encik Morat bin Pora [Pengarah Pejabat Pilihan Raya Pulau Pinang]  
Encik Mohd Faiz Syazwan bin Zainal Abidin [Timbalan Pengarah (Pejabat Pilihan Raya  
Pulau Pinang)]

**Kementerian Dalam Negeri**

Puan Siti Zauyah binti Osman [Setiausaha Bahagian (Pendaftaran Negara dan Pertubuhan)]  
Puan Rafidah Datu Derin [Timbalan Setiausaha Bahagian  
(Pendaftaran Negara dan Pertubuhan)]  
Cik Zuriah binti Dollah [Timbalan Setiausaha Bahagian (Parlimen dan Kabinet)]  
Puan Nor Azilawati binti Mustapha [Penolong Setiausaha (PP)T1 Bahagian Pendaftaran  
Negara dan Pertubuhan]  
Puan Rosalinda binti Ma'al [Penolong Setiausaha (TT)T3,  
Bahagian Pendaftaran Negara dan Pertubuhan]  
Puan Farahanun binti Zainal [Timbalan Penolong Pengarah Tanjung Gelang, Kuantan]  
Encik Basri bin Hassan [Timbalan Penolong Pengarah Imigresen I  
(Pejabat Imigresen Georgetown)]  
Encik Rahim bin Hanaffi [Penolong Pengarah Imigresen Kedah]  
Puan Nur Azelawati binti Hashim [Pembantu Tadbir (PP)T1,  
Bahagian Pendaftaran negara dan Pertubuhan]  
Cik Fariyah binti Ibrahim [Pembantu Tadbir (PP)A2,  
Bahagian Pendaftaran Negara dan Pertubuhan]

**Jabatan Pendaftaran Negara**

YBhg. Dato' Jariah binti Mohd Said [Ketua Pengarah]  
Encik Md. Solehan Omar [Pengarah Bahagian Kad Pengenalan]  
Encik Zakaria bin Awi [Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi]  
Encik Nik Hassan Fauzi Bin Nik Abdullah [Penolong Pengarah  
(Bahagian Kelahiran, Kematian Dan Anak Angkat)]  
Encik Bakhtiar Effendy bin Khalid [Pengarah JPN Perlis]  
Y.M Raja Azlal bin Raja Azman [Pengarah JPN Pulau Pinang]  
Puan Noorhazlina binti Ishak [Penolong Pengarah JPN Pulau Pinang]  
Puan Junaidah binti Jamil [Penolong Pengarah JPN Pulau Pinang]  
Puan Laila binti Majid [Timbalan Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat]  
Puan Nik Nurashikin binti Nik Mansor [Timbalan Pengarah Bahagian Kewarganegaraan]  
Encik Ruslan bin Alias [Penolong Pengarah Bahagian Kad Pengenalan]  
Puan Mazni binti Bidin [Pegawai Khas KPPN]  
Cik Zarifah binti Zulghaffar [Pegawai Undang-undang  
(Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia)]

samb/-

---

**HADIR BERSAMA** (samb/-)**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia**

Puan Junipah binti Wandi [Timbalan Pengarah (Bahagian Pemeriksaan & Perundingan)]  
Puan Hamidah binti Mohd Nadzri [Timbalan Pengarah]  
Encik Mazery bin Mohd Zain [Penguasa]  
Encik Rosdi bin Hassan [penguasa Kanan]  
Encik Jamaluddin bin Sarip [Penolong Kanan Penguasa]

**Polis Diraja Malaysia**

YBhg. SAC Dato' Abdul Malek Harun [Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah  
(Forensik Data Bank) Bukit Aman]  
YBhg. SAC Dato' A. Rahman [Urus Setia Cawangan Khas]  
SAC Hasanuddin bin Hassan [Ketua Penolong Pengarah Pengurusan (Perjawatan)]

**Kementerian Pertahanan**

Lt. Kol. Omar Daud [Penyelaras Parlimen]  
Kapt. Azizi bin Elias [Pegawai Staf 3 (ICT)]

**Kementerian Luar Negeri**

Encik Ahmad Fuad Mohd Norzin [Penolong Setiausaha]

**Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan**

Tuan Haji Zaharin Zainudin [Timbalan Setiausaha Bahagian]  
Tuan Haji Abdul Rauf bin Jamalis [Ketua Penolong Pengarah]  
Encik Fun Pon a/l Din Phrat [Pegawai Penerangan Daerah Timur Laut Pulau Pinang]  
Encik Azrul bin Hasan [Penolong Pengarah Jabatan Penerangan Pulau Pinang]

**MIMOS**

Encik Ramesh Kumar Nadarajah [Ketua Penasihat Undang-undang]

samb/

**SAKSI (PENDENGARAN AWAM)****Parti Gerakan Rakyat Malaysia (PGRM)**

Dr. Thor Teong Gee [Biro Informasi dan Komunikasi]  
Dr. Lim Boon Han  
Encik Baljit Singh  
Encik Baghwant Singh

**Parti DAP Pulau Pinang**

YB. Tuan Ng Wei Aik [ADUN Komtar]  
YB. Tuan Tan Cheong Heng

**Parti Progresif Rakyat (PPP)**

Puan Chye Ann Lee  
Encik Selvarajo Permal

**Parti Progresif Rakyat (PPP)**

Encik Raja Segarem  
Encik Nachatar Singh  
Encik Muniandy a/l K. Perumal  
Puan Saraswathi Dewi a/p Saminathan  
Encik Andrew Rajah

**Parti Keadilan Rakyat (PKR) Perak**

YB. Tuan Chan Ming Kai [ADUN Simpang Pulai]  
Encik Mohamad Shahhanaz bin Nazarudin  
Puan Azlinan binti Adnan

**MIC dan Putera MIC**

Encik Elango Govindasamy  
Encik MDS. Paranjothi  
Encik L.Muneshwaran  
Encik M.G. Senthelnathan [Putera MIC]

**My Oversea Vote UK**

Encik Andrew Yong Hui

**Individu**

Encik Ng Eng Kiat  
Encik Ravinder Singh  
Encik Tan Seng Keat  
Encik Alvin Cheong Choi Keong  
Encik Kevin Lim

---

**LAPORAN PROSIDING****PENDENGARAN AWAM JAWATANKUASA PILIHAN KHAS  
BERHUBUNG PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHAN RAYA  
PARLIMEN KEDUA BELAS, PENGGAL KEEMPAT****Dewan Sri Pinang, Lebu Light, Pulau Pinang****JUMAAT, 16 Disember 2011****Pendengaran Awam dimulakan pada pukul 9.29 pagi****[Yang Berhormat Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad  
*mempengerusikan Mesyuarat*]**

---

**Tuan Pengerusi:** *Assalammualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera, selamat pagi. Ahli Yang Berhormat, Yang Berbahagia Datuk Roosme binti Hamzah selaku Setiausaha Dewan Rakyat merangkap Setiausaha Jawatankuasa Pilihan Khas. Wakil-wakil daripada agensi kerajaan yang saya ingin mengucapkan ribuan terima kasihlah kerana turut hadir daripada beberapa tempat. *I know it sometime boring but you all are very attentive I was watching all the time. Thank you very-very much. Thank you very much.*

Jadi, tuan-tuan dan puan-puan sekali lagi izinkan sekali lagi saya mengalu-alukan kehadiran semua hadirin yang sudi hadir di dalam mesyuarat ini. Jadi pada semalamnya kita ada sebanyak sembilan pembentangan yang terdiri daripada pelbagai pertubuhan, organisasi dan individu. Antara perkara yang berbangkit semalam di antaranya ialah cadangan untuk tidak memasukkan butiran seperti kaum dan agama dalam borang pendaftaran pemilih, cadangan supaya mencontohi sistem di Jerman di mana kerajaan menyalurkan dana kepada parti-parti politik serta kita berjumpa dengan pengerusi SPR dan timbalannya yang telah berikrar untuk melaksanakan tugas dengan adil dan telus.

Kita semua berasa puas hati mendengar penjelasan daripada pegawai-pegawai mereka. Kebanyakan isu yang berbangkit pada sesi pendengaran awam semalam telah pun sebagaimana yang kita sedia maklum dibangkitkan semasa sesi pendengaran awam diadakan di Kuala Lumpur, Kota Kinabalu dan Kuching. Saya juga ingin memaklumkan kepada semua agensi teraju serta Ahli-ahli Jawatankuasa Kecil untuk mencatatkan segala isu serta maklum balas yang berkaitan di dalam jadual maklum balas yang disediakan oleh pihak urus setia.

Saya mohon kerjasama supaya borang maklum balas tersebut diserahkan kepada pihak urus setia untuk tujuan penyediaan laporan penuh Jawatankuasa ini kemudian hari. Pada hari ini, Jawatankuasa akan meneruskan lagi sesi pendengaran awam. Jadi tanpa melengahkan masa saya menjemput pihak awam untuk memasuki bilik mesyuarat.

Kita dimaklumkan ada empat kumpulan dan satu individu dan kita berharaplah memandangkan hari ini hari Jumaat, kita akan selesaikan pendengaran awam ini sebelum pukul 12.00 tengah hari. Selewat-lewatnya 12.15 minit, *insya-Allah. Please come in, yes.*

*[Saksi-saksi dari Parti Gerakan Rakyat Malaysia (PGRM) mengambil tempat di depan Jawatankuasa]*

**Tuan Pengerusi:** Kumpulan pertama yang diketuai oleh Dr. Thor Teong Gee, *please*. Dr. Lim Boon Han, Encik Baljit Singh *please, please come* dan Encik Baghwant Singh. *Just the three of you?*

**Dr. Thor Teong Gee [Parti Gerakan Rakyat Malaysia (PGRM)]:** *Yes just the three of us.*

**Tuan Pengerusi:** *Alright.* Selamat pagi, selamat datang bagi pihak Jawatankuasa. Saya mengalu-alukan kedatangan, kehadiran tuan-tuan dalam sesi pendengaran awam yang diadakan di Dewan Sri Pinang pada pagi ini. Untuk makluman, kali ini merupakan kali keempat Jawatankuasa ini mengadakan sesi pendengaran awam yang mana sebelum ini telah diadakan di Parlimen Kuala Lumpur, di Sabah dan di Sarawak. Jadi terlebih dahulu ingin saya memperkenalkan Yang Berhormat Datuk Alexander Nanta Linggi daripada Kapit, dan daripada Hulu Selangor, Yang Berhormat Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan, sebelah kiri daripada Gombak, Tuan Mohamed Azmin Ali.

Saya mempengerusikan hari ini kerana pengerusi kita terpaksa balik atas urusan rasmi. Jadi tanpa melengahkan masa saya ingin memaklumkan bahawa ini merupakan mini *Parliament in session*. Di mana segala pertuturan akan dicatat dan dirakamkan dan akan dijadikan dalam bentuk verbatim iaitu dimasukkan ke dalam laporan prosiding. Segala cadangan dan syor yang dikemukakan secara bertulis akan juga dijadikan sebahagian daripada laporan Jawatankuasa. Bahasa yang digunakan ialah bahasa Malaysia dan sekiranya bahasa Inggeris perlu diguna hendaklah dengan izin pengerusi.

Pada setiap masa hanya seorang sahaja di benar bercakap dan tanpa melengahkan masa saya menjemput *please introduce yourself and then to sit. I give you about 10 minutes to start with and we take it from there.*

**9.35 pg.**

**Encik Baljit Singh [Parti Gerakan Rakyat Malaysia (PGRM)]:** Dengan izin, nama saya Baljit Singh dan di sebelah kanan saya rakan bijaksana saya Encik Dr. Lim Boon Han dan Dr. Thor Teong Gee di sebelah kiri saya. Kami telah memberi satu ringkasan cadangan yang telah pun dikemukakan di mana terdapat lima penetapan yang ditetapkan yang saya percaya telah pun sebelum ini dikemukakan oleh pihak-pihak saya.

Penetapan yang pertama ialah tarikh PRU. Secara umumnya tahu bahawa di Malaysia terdapat pilihan raya di mana negeri Sabah, Sarawak dan Semenanjung mengadakan pilihan raya-pilihan raya pada masa yang berbeza. Walaupun pilihan raya untuk Parlimen diadakan serentak terdapat pilihan raya untuk Sarawak dan Sabah yang ditetapkan pada tarikh-tarikh yang lain.

Ini membazirkan wang masyarakat terutamanya. Di Malaysia kita mempunyai satu negara. Mengapakah kita tidak boleh mengadakan satu pilihan raya untuk keseluruhan negara untuk Dewan Undangan Negeri dan juga Parlimen. Ini akan menjimatkan masa dan di dalam tempoh lima tahun yang akan datang, kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat dapat menumpukan perhatian untuk pembangunan negara asalkan daripada asal berpolitik sahaja yang kebelakangan ini asyik berlaku. Ini amat merugikan rakyat so penetapan yang pertama tadi ialah untuk menetapkan satu tarikh untuk seluruh negara untuk Dewan Undangan Negeri juga Parlimen.

Ini hanyalah satu ringkasan pada apa yang dicadangkan. Cadangan yang kedua, saya percaya telah dikemukakan sebelum ini juga iaitu pendaftaran dan pengguguran nama dari senarai pengundi. Jika seseorang itu mencapai umur 21 tahun *he must be automatically* dengan izin didaftarkan sebagai pengundi. Jikalau seseorang itu telah meninggal dunia, beliau secara automatik perlu digugurkan. *These kind* dengan izin *these can be done online*.

Dalam zaman teknologi ini tidak perlu seseorang itu ataupun ahli keluarga beliau pergi untuk memberitahu bahawa sekian-sekian telah meninggal dunia. Saya percaya ramai di antara kita tidak akan melakukan benda tersebut dan sebab itu terdapat ramai orang yang lebih 100 tahun yang masih di dalam senarai pengundi. Ini boleh dilakukan secara *online* dan dalam teknologi ini tidak akan mengambil masa yang lama.

**Tuan Pengerusi:** *How do you suggest?*

**Encik Baljit Singh:** *Because dengan izin, we have the death and birth registration department. Now, the SPR can do it online with them. One person is 21 years on his birthday.*

**Tuan Pengerusi:** *No, I'm talking about someone who's dead.*

**Encik Baljit Singh:** *I beg your pardon.*

**Tuan Pengerusi:** *A dead voter. Seorang yang meninggal dunia.*

**Encik Baljit Singh:** *Ya, when the death certificate is issued. I got two doctor on my left and right. Death certificate are issued. Automatic they must inform online to SPR and automatic they are deleted.*

**Tuan Pengerusi:** *They? Who are they?*

**Encik Baljit Singh:** *Jabatan Pendaftaran.*

**Tuan Pengerusi:** *Who must inform of the death. The death certificate had issues.*

**Encik Baljit Singh:** *The death certificate is issued when family you had principle.*  
Kematian dan sijil pengebumian.

**Tuan Pengerusi:** *Alright.*

**Encik Baljit Singh:** *When sijil kematian is issued...*

**Tuan Pengerusi:** *Yes.*

**Encik Baljit Singh:** *The parchment of issue dan sijil kematian must not individual. The department must automatic inform SPR about the death.*

**Tuan Pengerusi:** *Normally inform to the Jabatan Pendaftaran Negara not to the SPR.*

**Encik Baljit Singh:** *Yes, now we are suggesting that you do inform SPR. So, defer automatically in the age 21 and automatically out when the death certificate have been issued. These are done automatically online why must someone - individually go and inform them. There are other countries are doing dengan izin for example I'm talking what my personal experience. My father was dead more than seven years. He's still a voter. So, jikalau seseorang sudah meninggal dunia kami tidak memaklumkan.*

**Tuan Pengerusi:** *Sebab you didn't inform your father death.*

**Encik Baljit Singh:** *Are we going to work dengan izin berapa orang yang inform.*

**Tuan Pengerusi:** *You one of themlah.*

**Encik Baljit Singh:** *Yes, I one of them. That's why I'm very honest. Most of us here dengan izin, kebanyakan daripada kita jangan jadi hipokrit. Kita pun tidak maklumkan. Bapakah, datukkah, nenek meninggal siapa hendak inform. Datuk saya inform, bapa suruh adik saya yang inform. Siapa-siapa pun tidak akan inform.*

**Tuan Pengerusi:** *What if you have not informed anyone then this is very difficult for the SPR.*

**Encik Baljit Singh:** *Yes but when the sijil kematian is issued. The Jabatan Pendaftaran can inform SPR. Not individual.*

**Tuan Pengerusi:** *So, you are saying there must be a mechanism.*

**Encik Baljit Singh:** *Yes.*

**Tuan Pengerusi:** *Where a person when someone dies okay, there is a issuance of death certification.*

**Encik Baljit Singh:** *Yes.*

**Tuan Pengerusi:** *There must be authority to issue that.*

**Encik Baljit Singh:** *Yes, there is an authority.*

**Tuan Pengerusi:** *That authority automatically would inform Jabatan Pendaftaran Negara that whole record of all Malaysian you know from birth to death. So, Jabatan Pendaftaran Negara as it is today's there have this system online they call ALIS straight to SPR.*



*So, once they are informed that A is dead, alright then their straight to online SPR; SPR will take off that what it means.*

**Encik Baljit Singh:** *Yes that's what we are suggesting.*

**Tuan Pengerusi:** *So, there must be a mechanism you are saying.*

**Encik Baljit Singh:** *Yes.*

**Tuan Pengerusi:** *From the authority that issue the death certificate.*

**Encik Baljit Singh:** *Yes that is why we are suggesting.*

**Tuan Pengerusi:** *Okey, alright. Thank you.*

**Encik Baljit Singh:** *The third issue...*

**Tuan Pengerusi:** *Have you informed about your father's death yet?*

**Encik Baljit Singh:** *Honestly no. I'm waiting for them to create a system.*

**Tuan Pengerusi:** *It will be on the list.*

**Encik Baljit Singh:** *Then, there is no link I'll be doing another one possible.*

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** *I think he did not...*

**Encik Baljit Singh:** *So, the third issue...*

**Tuan Pengerusi:** *Sorry, let me introduce Yang Berhormat Tuan Loke Siew Fook from Rasah to join.*

**Tuan Loke Siew Fook:** *Inform the JPA or you do not inform to SPR?*

**Encik Baljit Singh:** *Who do you inform first thing.*

**Tuan Loke Siew Fook:** *JPN.*

**Encik Baljit Singh:** *At the end it will gave you sijil kematian right?*

**Tuan Loke Siew Fook:** *Ya, that's right. That's the system right now.*

**Encik Baljit Singh:** *Yes, but JPN will not inform SPR.*

**Tuan Loke Siew Fook:** *Inform, there is a system between SPR and you said too.*

**Encik Baljit Singh:** *While I think you look...*

**Tuan Loke Siew Fook:** *If your father's name is still in the roll...*

**Encik Baljit Singh:** *Yes.*

**Tuan Loke Siew Fook:** *That's means that owner on SPR remove the name immediately because there also system call ALIS between SPR and JPN.*

**Encik Baljit Singh:** *But if there is...*

**Tuan Loke Siew Fook:** *Of course you have to inform SPR. Right now, the practice right now anybody who, I mean, who passed away, I mean, the family members do not have to inform the SPR.*

**Encik Baljit Singh:** *Yes.*

**Tuan Loke Siew Fook:** *Just report the death to the Jabatan Pendaftaran Negara then SPR there also system to link up between SPR and JPN. That's the current system.*

**Encik Baljit Singh:** *But if this has been done actually...*

**Tuan Loke Siew Fook:** *You sure that the name is still on the electoral...*

**Encik Baljit Singh:** *Yes.*

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]:** *I think never mind.*

**Encik Baljit Singh:** *And if you...*

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** *Just to put a point sorry. I think dengan izin saya rasa sedikit kebenaran kerana baru recently death certificate of online. Sebelum ini belum ada lagi – I rasa before this I think there need to be inform but ALIS system is on going and I think only December there have suppose to have the death certificate also online that means when you maklum kepada JPN automatically SPR will be notified effective I think this month kalau tidak silap saya okey.*

**Encik Baljit Singh:** *Okey, thank you. That's why I said tujuh tahun yang lalu...*

**Tuan Pengerusi:** *Your father died 7 years ago.*

**Encik Baljit Singh:** *Yes.*

**Tuan Pengerusi:** *There don't have that system, we didn't have system.*

**Encik Baljit Singh:** *So, we are suggesting that if there is system is there why don't you update the system and update previously. Not now, back date it. Those who die into 2009, 2008, 2007, 2006...*

**Tuan Pengerusi:** *Yes, but they must be informed you see.*

**Encik Baljit Singh:** *No, no. Death certificate has been issued.*

**Tuan Pengerusi:** *Have you?*

**Encik Baljit Singh:** *Yes.*

**Tuan Loke Siew Fook:** *Tuan Pengerusi...*

**Tuan Pengerusi:** *Can we ask the JPN to explain. We have got here the agencies with us. The JPN, SPR, we have got the Polis; we have got Kementerian Luar Negara and many of agencies here to assists. So we are now requesting JPN to explain.*

**Dato' Jariah binti Mohd Said [Ketua Pengarah, Jabatan Pendaftaran Negara]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat-Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan. Saya hendak *clearkan* kedudukan ini. Sebelum 1 Disember, memang tahun ini tahun 2011 JPN ada mengenakan dua jenis dokumen. Satu permit kubur dan satu sijil kematian. Apa yang timbul kekeliruan disebabkan masyarakat berpandangan permit menguburkan adalah sijil kematian. So, sebab dengan itu semua pewaris-pewaris orang yang meninggal hanya pergi minta permit kubur untuk tujuan mengebumikan mayat.

Akan tetapi, mereka tidak *inform* JPN. Jadi macam kes inilah. Apabila tidak *inform* JPN rekod kematian kita tidak akan *delete* apa-apa tetapi kalau pemaklum itu *come over to* JPN maklumkan kematian kita akan *delete* nama itu menjadi orang yang meninggal dunia.

Jadi mulai 1 Disember 2011, kita satukan antara permit menguburkan dengan permohonan daftar kematian. Maksudnya bila dia maklumkan kepada polis seseorang itu telah meninggal secara automatiknyalah itulah rekod JPN. Sekarang dia tidak payah pergi dua kali. Dia cuma pergi kepada polis dapatkan permit menguburkan *at the same time* dia automatik telah mendaftarkan kematian tersebut. Dia hanya datang ke mana-mana JPN untuk mendapatkan sijil menguburkan sahaja.

Jadi sekarang ini tidak timbul. Dia datang atau tidak datang JPN, *once* dia *report* dekat polis kita sudah automatik kita sudah tahu dan kita akan link kan sistem kita dengan SPR.

**Tuan Pengerusi:** *That seems the 1 December this year.*

**Dato' Jariah binti Mohd Said:** *This year. Secondly* Tuan Pengerusi bagi kes ayah tadi, kalau boleh *just pass to me* nama dengan *IC number* so kita boleh *update* terus *system today*. *No problem. That's all* Tuan Pengerusi.

**Dr. Thor Teong Gee:** Dengan izin, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** *Yes.*

**Dr. Thor Teong Gee:** Maksud itu dekat sini baguslah ada satu sistem yang baru selepas 1 Disember. Akan tetapi apa pula yang berlaku sebelum ini. Ini kita timbulkan hanya satu kes individual. Kita percaya masih ada lagi banyak-banyak kes sebegini. Maka adalah perlu untuk kita melihat Jabatan Pendaftaran Negara supaya daftar pemilih kita dapat dibersihkan betul-betul. Kalau kita hendak tunggu setiap individu buat sedemikian, saya rasa itu *less to be practical* dengan izin. Dia tidak akan berlakulah. Terima kasih.

■ 0945

**Tuan Pengerusi:** *The problem is like this you see. If someone have died five years ago*, jadi dia memaklumkan kematian keluarganya. *Who is to know?* Jadi...

**Dr. Thor Teong Gee:** Tuan Pengerusi, setiap yang mati kalau hendak kubur mesti ada permit untuk kubur. Sekarang apa yang berlaku ialah orang itu sudah dikuburkan akan tetapi dalam daftar kita dia belum mati lagi. Kita janganlah buat sampai birokratik sangat. Mesti ada satu sistem kita apa selaraskan semua ini.

**Tuan Pengerusi:** *But you give time too because* kita tidak boleh *rely on any Dick, Tom and Harry* memberi makluman si polan dan si polan meninggal dunia. *So, we must have certain verification. Give it time for JPN to clean up this thing.*

**Dr. Thor Teong Gee:** Kita faham perlukan masa. Akan tetapi hanya satu *suggestion* supaya jangan beri individual. Setiap individual pergi dengan sijil kubur itu saya rasa tiada pun hendak simpan kalau sudah tujuh tahun kubur sudah habis sudah. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** *I have a friend whose father died in England. He went for visit there the poor man died. Almost 40 years ago and his name is still there on the place.*

**Dato' Jariah binti Mohd Said:** Tuan Pengerusi, cuma saya – bukan apa. Saya faham dia tidak simpan pun permit menguburkan. Betul. *But IC si mati itu must surrender to JPN.* Kalau dapat sahaja *anybody come over to JPN just give the IC and then tell* orang ini sudah meninggal. Kita boleh *updated our system. No problem,* Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** *You see...*

**Encik Baljit singh:** *Can we move forward?* Terima kasih. Ini mengenai kegunaan *ink*. Item nombor tiga. *Now,* sebelum ini saya percaya bahawa ramai wakil telah tampil mengenai *ink*. Akan tetapi yang ingin dinyatakan di sini ialah bahawa secara *principle* kami tidak bantah penggunaan *ink* tersebut. Akan tetapi kami ingin mengutarakan di sini bahawa kita jangan mengadakan satu sistem yang mungkin akan menyebabkan lebih banyak kekeliruan. Apa yang ingin dikatakan bahawa mungkin satu yang digembar-gemburkan di dalam media *especially online* bahawa *ink* tersebut dapat dipadamkan. Saya tidak tahu benar ataupun tidak. Ini ialah persepsi di luar.

Kedua, kami juga takut bahawa jika *ink* tersebut dapat diperolehi dengan mudah oleh pihak-pihak yang telah bertanggungjawab, mereka akan mewujudkan satu suasana di mana sesuatu yang tidak baik boleh berlaku di mana orang yang tidak mengundi jari mereka telah diwarnakan. Ini mungkin akan membuat satu situasi yang amat mengelirukan rakyat. Walaupun kami secara prinsipal saya ulangi bersetuju mengenai kegunaan *ink* tersebut. Akan tetapi sebelum ia dilancarkan ataupun dilaksanakan saya berharap bahawa isu ini diteliti secara mendalam dahulu mengenai mekanisme pelancarannya, *because we are worried about that. It is because and especially, maybe, in the rural* dengan izin, di tempat *rural* di luar bandar, pihak-pihak yang tertentu mungkin mereka kata sebelum kamu undi kamu kena cat. Bila mereka cat mereka pergi tengok, Eh! Tidak boleh mengundi. So, akan mewujudkan satu suasana yang tidak menentu. Itu yang kami ingin utarakan.

**Tuan Pengerusi:** *We appreciate that.*

**Dr. Lim Boon Han [Parti Gerkan Rakyat Malaysia (PGRM)]:** Tuan Pengerusi, saya ingin tambah satu lagi poin di sini. Di mana saya percaya kalau hendak ada satu sistem yang begitu *fool proof* di mana *ink* itu tidak boleh di padam saya fikir memang agak sukar. Ini kerana sebagai seorang doktor saya percaya ada banyak *solvent* dengan teknologi terkini ini kita boleh dapat *solvent* itu untuk memadam *ink* tersebut.

Selain daripada itu. Sebagai doktor saya ada menjalankan iaitu perkhidmatan laser. Laser ini memang teknologi yang begitu tinggi. *Ink* yang macam mana pun kalau ada laser, bagi warna hijau, hitam, merah. Ada laser spesifik yang digunakan untuk memadamkan *ink* seperti tatu kita. Ya, Tuan Pengerusi tatu kita faham sekarang, *tattoo-tattoo* yang menjadi fesyen sekarang memang laser digunakan untuk memadam *tattoo* ini. Jadi memang tidak sukar untuk kita memadam kalau mereka sudah undi dengan *ink*. Dia balik kita padam tangannya dengan laser. Dia pergi lagi sekali ambil IC orang lain. Mereka boleh mengundi dua kali. Jadi kalau kita hendak...

**Tuan Pengerusi:** *Dr. Lim we appreciate that. But we are not so worried about people trying to vote twice, because they have to register if they want to vote twice. We are more worried about what was mentioned by Mr. Baljit Singh awal tadi. orang mengambil kesempatan untuk stop people from going to vote by...*

**Dr. Lim Boon Han:** *That's right, that's right.*

**Tuan Pengerusi:** *... By picking all these, we appreciate all these thing. We understand.*

**Dr. Lim Boon Han:** *So, its available then you see people can go to Sabah and Sarawak. Those people who are less educated...*

**Tuan Pengerusi:** *Then you go to...*

**Dr. Lim Boon Han:** *... All the old peoples, then they will tell them you have to be inked before you going and vote. By the time they reach the voting booth, you know what I mean?*

**Tuan Pengerusi:** *Yes.*

**Dr. Lim Boon Han:** *I think so – before this system is implemented we have to study very carefully. Thank you Tuan Pengerusi.*

**Encik Baljit Singh:** Dengan izin, isu yang keempat ialah saya percaya telah dikemukakan iaitu kegunaan sumber Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Di mana ada sesetengah pihak mendakwa bahawa mereka tidak diberi akses yang cukup untuk media. Di sini ingin diutarakan bahawa kegunaan bukan sahaja daripada *Federal level* akan tetapi *state level* juga patutlah saksama. Ini di mana Dewan Masyarakat sebagai contoh padang ataupun tempat awam di bawah pengelolaan Kerajaan Negeri juga patut diberi secara sama rata kepada pihak yang memerintah dan pihak pembangkang.

*This is not only Federal level* dengan izin, akan tetapi juga *state level*. Ada juga sesetengah pihak menyatakan media cetak tidak memberi liputan yang saksama terhadap pihak pembangkang. Akan tetapi ini juga diutarakan di media cetak seperti di Pulau Pinang, Buletin Mutiara tidak pernah menyiarkan satu berita baik mengenai Kerajaan Persekutuan. Asyik hentam hari-hari sahaja.

Jadi dalam isu ini saya percaya bahawa saksama ini dengan izin, *what good for the goose is good for the agenda*. Patut sama taraf dengan kedua-dua pihak. Isu yang kelima iaitu isu yang lebih saya percaya lebih sensitif sedikit iaitu isu wakil rakyat lompat parti. *Now*, dalam – di sini apa yang ingin diutarakan ialah bahawa wakil rakyat yang keluar parti ialah wakil rakyat yang keluar parti yang mewakili simbol iaitu simbol yang mereka wakili semasa PRU.

Apa yang saya maksudkan di sini ialah jikalau seseorang itu mungkin telah berdiri sebagai calon Barisan Nasional daripada Parti Komponen Gerakan dan melompat kepada MCA sebagai contoh ataupun *vice-versa*. Dia masih di bawah naungan Barisan Nasional. Akan tetapi jikalau seseorang itu daripada parti 'A' lompat kepada parti 'B', iaitu Barisan Nasional kepada Pakatan ataupun Pakatan kepada Barisan Nasional ataupun keluar terus daripada Barisan Nasional ataupun keluar terus daripada Barisan Nasional ataupun Pakatan.

Apa yang saya maksudkan Pakatan ialah *three parties* iaitu DAP, PKR. Maka parti tersebut boleh menyatakan bahawa kerusi itu telah kosong. Wakil rakyat keluar mesti diberi kesempatan untuk berdiri semula. Oleh sebab mungkin dia menang sebab personaliti beliau, bukan mengenai parti tersebut. Ini juga *important* sebab kami tidak mahu selepas PRU dijalankan ada pihak yang cuba merampas Kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan Negeri selepas PRU.

Biarkan rakyat yang tentukan kerajaan bukan pihak-pihak segelintir kecil ini yang keluar parti dan membentuk kerajaan. *This is very sensitive*. Saya percaya bahawa kita mempunyai kedua-dua pihak, maaf ketiga-tiga pihak iaitu Barisan Nasional, Pakatan Rakyat dan pihak *independent* di sini. Bahawa ketiga-tiga pihak kena setuju dengan satu mekanisme di mana seseorang ini tidak dibenarkan lompat daripada satu parti ke satu parti dan menggugat ataupun mengugut Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Persekutuan bahawa *power* itu, kuasa itu di tangan mereka.

Tidak! Kuasa itu di tangan rakyat. Walaupun satu undi lebih, seseorang parti dapat ataupun satu kerusi lebih biarkan negara ini diwakili oleh kerajaan tersebut ataupun negeri tersebut. Saya tidak mahu dan kami secara telus tidak mahu satu Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Persekutuan ditumbangkan dengan *sorry to you* sebut 'katak-katak' ini. Biarkan rakyat bukan 'katak' yang menentukan Kerajaan Negeri dan negara ini.

**Tuan Pengerusi:** *We understand.*

**Encik Baljit Singh:** Terima kasih. *Anything on fifth point? I think all of you are very silent. Sensitif. I hope I didn't step on anybody's shoes.* Saya percaya bahawa rakyat di luar ini tahu biarkan rakyat yang tentukan, biarkan rakyat tentukan Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Persekutuan bukan segelintir kecil ini.

Mekanisme ini – *I think the Federal Constitution needs to be amended in detail.* Akan tetapi kalau kedua-dua pihak maaf sekali lagi. Ketiga-tiga pihak setuju *that to amend Constitution its not a problem. Thank you, is there anything to ask?*

**Tuan Pengerusi:** *Yes, one minute..., anything more to add? Then I would like to invite any of the Committee Members to, maybe, they want to say.*

**Dr. Thor Teong Gee:** Tuan Pengerusi, izinkan saya untuk tambah untuk hujah yang pertama itu. Penetapan tarikh PRU. Apa yang dicadangkan oleh kita ialah kita buat seperti peperiksaan kerajaan. Kita tetapkan tarikh seperti sistem di US ataupun di Taiwan. Itu yang dimaksudkan di sini. Tetapkan terus tarikh itu. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** *You mean tetapkan tarikh pilihan raya all peringkat Parlimen dan juga state. Isn't?*

**Dr. Thor Teong Gee:** Betul itu. Tetapkan tarikh itu.

**Tuan Pengerusi:** *But that date involves state constitution. Federal government is only federal constitution. Tidak apa we will listen. Well, thank you very much. Very enlightening - come with new ideas. We may pick them out. Thank you once again.*

**Encik Baljit Singh:** Terima kasih.

*[Wakil-wakil daripada DAP Pulau Pinang mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]*

**9.58 pagi.**

**Tuan Pengerusi:** Okey, kumpulan kedua. Yang Berhormat Ng Wei Aik yang mengetuai kumpulan DAP Pulau Pinang bersama-sama dengan Yang Berhormat Tan Cheong Heng dan Soon Lip Chee. Tiga orang, *or just two of you?* Dua orang sahaja.

**Tuan Ng Wei Aik [ADUN Komtar, DAP Pulau Pinang]:** Seorang perlu meninggalkan tempat ini lebih awal.

**Tuan Pengerusi:** *Okay, please.*

**Tuan Ng Wei Aik:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, ahli-ahli panel. Sebelah saya adalah Yang Berhormat Michael Tan, ADUN bagi Padang Lalang dan saya ADUN Komtar dan juga setiausaha DAP Negeri Pulau Pinang. Jadi hari ini saya ingin mewakili DAP Pulau Pinang untuk membentangkan cadangan-cadangan kita di mana kita ada 21 cadangan yang terkandung di dalam memorandum kita. Saya rasa sudah dicetak kepada semua.

Pertama, kita mencadangkan supaya umur mengundi dapat diturunkan kepada 18 tahun. Di mana di tanah air kita banyak warganegara Malaysia yang berumur 17 tahun atau 18 tahun dapat dibenarkan untuk menyertai sesebuah parti politik. Seperti DAP 17 tahun sudah boleh menjadi ahli.

Jadi saya rasa tidak ada alasan bagi mereka yang berumur kurang daripada 21 tahun untuk mendaftarkan diri sebagai seorang pemilih. Ini di mana ada negara-negara tertentu yang sudah menurunkan umur mengundi kepada 18 tahun.

■ 1000

Kedua adalah pendaftaran automatik sebagai pemilih baru semasa gantian MyKad 18 tahun. Saya rasa ini boleh dilaksanakan kerana setiap warganegara Malaysia diwajibkan untuk menggantikan MyKad pada umur 18 tahun. Pada masa itu kita boleh mengemukakan alamat yang terbaru. Jadi alamat yang terbaru itu dapat mengenal pasti di mana kawasan mengundi kita. Jadi saya rasa JPN ada mewajibkan seseorang mencapai umur 18 hingga 25 tahun untuk menggantikan MyKad.

Jadi semasa mereka menggantikan MyKad, jadi kita boleh minta SPR yang ditempatkan di tempat di JPN untuk bantu, ini berkaitan dengan cadangan ketiga supaya kaunter SPR diwujudkan di ibu pejabat atau pejabat negeri atau setiap cawangan JPN dan di mana terletaknya kakitangan SPR untuk laksanakan tugas ini. Di mana apabila ada orang datang untuk memohon MyKad pada umur 18 tahun atau ada sesiapa yang memahukan JPN bahawa seseorang pemilih yang telah meninggal dunia, maka pendaftaran dan pemotongan boleh dibuat dengan serta-merta di kaunter SPR di JPN.

Ini kerana kita mendapati bahawa walaupun ada sistem *online* di antara JPN dan SPR tetapi saya ambil contoh di Pulau Pinang bagi suku tahun ketiga tahun ini, hanya 29 pemilih yang meninggal dunia di seluruh Pulau Pinang di mana ada 22 kaum yang langsung tiada pemilih meninggal dunia dalam tempoh tiga bulan. Jadi saya rasa ada sesuatu masalah berlaku di antara SPR dengan JPN. Jadi saya harap jikalau boleh diadakan kaunter atau kakitangan SPR ditempatkan di JPN ia dapat mempermudah proses ini di mana ia boleh dikemas kini dengan cepat.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat.

**Tuan Ng Wei Aik:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** *This is something that is very important, ya.*

**Tuan Ng Wei Aik:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Saya berpendapat bahawa kebanyakannya tidak melaporkan kematian itu. Mereka menganggapkan bahawa *once they get the certificate, they would think that as automatic*. Dia itu fikir ini telah pun dilaporkan.

**Tuan Ng Wei Aik:** Okey.

**Tuan Pengerusi:** *This is not true*. Ia hanya pada 1 hari bulan 12 tahun ini sahaja, *this year only*.



*Once you are issued with this funeral certificate that is automatically would be informed online by the police to JPN and JPN automatically would inform the SPR, starting from the First of December this year only.* Sebelum itu, dia memerlukan seseorang itu melaporkan kepada JPN tentang kematian. Kalau tidak lapor kematian, JPN tidak ada tindakan buat apa. *That is why I see* hanya 29 orang sahaja yang meninggal dunia *which is quite impossible unless they are all very healthy*lah. Orang Pulau Pinang 29, tidak mungkin seluruh Pulau Pinang 29 orang sahaja.

**Tuan Ng Wei Aik:** Ya, umur panjang.

**Tuan Pengerusi:** *Maybe it was not informed* but selepas 1 Disember tahun ini, *just only what?* Berapa hari sudah? Ia baru 19 hari dilaksanakan satu sistem automatik di mana di lapor atau mendapatkan sijil kubur *automatic inform to JPN and JPN automatically inform the SPR and they will take out the name.*

**Tuan Ng Wei Aik:** Akan tetapi, saya membuat perbandingan dengan suku-suku tahun yang lepas di mana saya mendapati setiap suku tahun ada lebih 1,000 secara purata pemilih yang meninggal dunia.

**Tuan Pengerusi:** Yes.

**Tuan Ng Wei Aik:** Akan tetapi hanya suku tahun yang lepas di mana dia lebih ganjil hanya 29 orang yang meninggal dunia. Saya rasa ini bukan berkenaan dengan sistem tersebut atau berkenaan dengan tatacara yang baru dilaksanakan itu. Akan tetapi saya rasa ini hanya kerana mungkin suku tahun ketiga ini ada sesuatu masalah yang ganjil berlaku di antara JPN dengan SPR.

**Tuan Pengerusi:** *Okay, alright.*

**Tuan Ng Wei Aik:** Cadangan keempat, alamat pengundi dapat dikemas kini secara automatik apabila berlakunya pertukaran alamat MyKad di mana kita berharap kita tidak perlu membayar selepas membuat permohonan di JPN selepas itu kita perlu pergi ke Pejabat Pos sekali lagi atau ke Pejabat SPR sekali lagi. Saya rasa ini boleh dibuat dengan secara automatik atau dengan serta-merta.

Cadangan kelima, memandangkan ada banyak pertelingkahan terhadap ketuluan pengundian tentera, maka saya rasa boleh kita meninjau cadangan supaya wujudnya lima kawasan Parlimen Khas untuk tentera mengundi di mana saya rasa Semenanjung kita boleh beri kepada tiga zon. Tiga zon untuk utara, tengah, selatan, dan juga zon Sabah dan Sarawak. Bagi utara termasuk empat negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, dan Kelantan. Zon tengah Perak, Selangor, Negeri Sembilan, dan Terengganu dan zon Selatan Pahang, Melaka, dan Johor. Jadi, jikalau dicampurkan semua tentera di antara negeri-negeri tersebut saya rasa bilangannya cukup untuk membantu satu kawasan Parlimen.

Memang cadangan ini bukan menggalakkan tentera untuk melibatkan diri dalam politik. Akan tetapi kita boleh membenarkan parti-parti politik untuk mencalonkan calon-calon yang sesuai khususnya mereka yang tentera bersara atau pakar ketenteraan atau pakar keselamatan atau mereka yang memang mendalami aspek-aspek ketenteraan seperti sarjana atau ahli akademik untuk bertanding di mana isu-isu atau dasar-dasar pertahanan negara, isu-isu kebijakan tentera kita juga dapat dipertimbangkan dapat dibangkitkan dan diberi perhatian oleh parti-parti yang bertanding.

Keenam, saya berharap supaya kempen pilihan raya dapat dibenarkan dalam perkarangan markas tentera atau kuarters polis di mana mereka adalah pemilih. Jikalau pemilih mereka ada peluang. Mereka perlu diberi peluang untuk meninjau calon-calon daripada setiap parti politik. Jadi, memang ini bukan menggalakkan supaya awak gantung poster bendera dalam perkarangan markas tentera atau kuarters polis. Akan tetapi sekurang-kurangnya, calon masuk untuk mendampingi pemilih-pemilih tentera dan polis dan untuk menyampaikan sesuatu mesej kepada pemilih mereka. Risalah-risalah juga boleh diedarkan dalam perkarangan markas tentera dan juga kuarters polis. Tiada tindakan akan diambil jikalau ada anggota-anggota tentera dan polis ingin mendampingi calon-calon mereka.

Ketujuh, tempoh pameran dan bantahan untuk rang daftar pemilih tambahan dilanjutkan kepada 21 hari di mana sekarang ini tujuh hari adalah satu tempoh yang singkat di mana memang banyak kerja perlu dilakukan untuk pengenalpastian sama ada mereka yang berdaftar atau mereka yang dipotong adalah mereka yang memang berkelayakan. Jadi haraplah ini dapat dipertimbangkan.

Kelapan, *fee* bantahan RM10 bagi mengemukakan setiap bantahan dapat dibatalkan dan tiada hak untuk bilangan nama dipantau oleh seseorang. Jadi adalah tidak wajar jikalau kita menghadkan bilangan bantahan yang boleh dikemukakan dan ada fi dikenakan. Ini kerana mungkin bantahan yang perlu dikenakan mungkin beberapa ratus nama. Mungkin dia adalah satu masalah yang sama. Akan tetapi kerana mungkin satu markas tentera. Saya ambil satu contoh, dahulu ada satu markas tentera didirikan di Jalan Sultan Azlan Syah. Akan tetapi selepas dipindahkan di Bukit Gedung, kawasan Bayan Baru satu kawasan Parlimen yang lain tetapi namanya masih wujud di kawasan Tanjung. Jadi ia melibatkan lebih 300 nama. Jikalau kita hendak bantah, perlu bantah setiap nama ada kita perlu bayar RM10 untuk setiap nama. Ini adalah satu beban walaupun mereka adalah merupakan kes yang sama. Bantahan dikemukakan tidak akan menghalang daftar pemilihan tambahan daripada diwartakan kerana sekarang ini jikalau kita mengemukakan apa-apa bantahan, ia akan melewatkan daftar pemilih tambahan daripada diwartakan.

Ini kerana sebelum bantahan dapat diselesaikan, daftar pemilih tambahan itu tidak dapat diwartakan dan ia akan menjejaskan peluang pemilih-pemilih yang baru untuk mengundi.

Kesepuluh, daftar pemilih dilengkapkan dengan alamat penuh, nombor poskod untuk setiap pemilih dan perlu adanya lokaliti yang lebih terperinci untuk setiap jalan dalam sesebuah daerah mengundi. Terdapat kes-kes di mana satu lokaliti untuk keseluruhan taman perumahan. Walaupun adanya jalan-jalan satu lorong-lorong yang berasingan. Jikalau hanya satu lokaliti digunakan, maka ia akan menimbulkan kekeliruan. Bagaimana kita dapat mengenal pasti di mana pengundi atau pemilih tersebut mengundi. Jikalau tiada alamat yang lengkap dipaparkan. Jadi saya di sini memberi satu contoh untuk Taman Kota Permai di bawah ADUN Padang Lalang iaitu rakan sebelah saya di mana di satu kawasan yang begitu besar Taman Kota Permai yang begitu besar hanya satu kod lokaliti yang digunakan. Jadi adalah memang susah kita hendak mengenal pasti di mana penghuninya setiap pengundi. Jadi, saya berharap lokaliti tersebut dapat dipecahkan dengan lebih terperinci supaya senang untuk kita kesan apabila di...

**Tuan Pengerusi:** Ia telah dipersetujui semalam.

**Tuan Ng Wei Aik:** Baik, terima kasih.

Okey yang kesebelas, pelajar-pelajar dan warganegara Malaysia yang bekerja atau melanjutkan pelajaran atau menghuni di luar negara dapat didaftarkan sebagai pemilih pos. Jadi memang ada aduan bahawa mereka yang ada menghuni atau berada di luar negara tidak dapat diberi peluang. Mereka pergi ke Kedutaan Malaysia di negara tersebut juga tidak dapat dibekalkan maklumat tersebut. Mereka tidak fasih dengan prosedur tersebut. Jadi saya rasa SPR perlu memberi...

**Tuan Pengerusi:** Dalam kajian SPR sekarang.

**Tuan Ng Wei Aik:** Okey, baik. Terima kasih.

Kedua belas, tempoh 72 jam untuk seseorang calon menarik diri selepas penamaan perlu dibatalkan.

**Tuan Pengerusi:** Ia sudah diterima.

**Tuan Ng Wei Aik:** Sudah terima, ya?

**Tuan Pengerusi:** *No more.*

**Tuan Ng Wei Aik:** Okey, baik.

**Tuan Pengerusi:** *Yes.*

**Tuan Ng Wei Aik:** Ketiga belas, tempoh kempen 21 hari bagi memastikan pemilih tidak hadir di luar negara berkesempatan untuk mengundi. Memang kita perlukan masa untuk mencetak undi untuk dihantar ke luar negara untuk mereka mengundi. Selepas itu perlu dihantar semula dan semua itu memakan masa. Jadi saya rasa keperluan yang ada perlu diberikan.

Keempat belas, kerajaan *caretaker* perlu ditubuhkan selepas Parlimen atau Undangan Negeri dibubarkan. Konsep ini perlu diperkenalkan dan supaya dalam tempoh ini tiada mana-mana Menteri, Kabinet atau Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri untuk mengumumkan peruntukan kewangan atau sesuatu projek yang baru. Tiada sumber atau jentera kerajaan atau premis kerajaan boleh dipergunakan untuk tujuan kempen pilihan raya. Tiada kenderaan rasmi termasuk kapal terbang termasuk helikopter melainkan kerajaan boleh dipakai untuk tujuan pilihan raya.

Kelima belas, perlunya ada mekanisme untuk memantau perbelanjaan setiap parti politik atau calon bagi sesuatu pilihan raya. DAP bercadang supaya mekanisme disediakan bagi memantau dan memastikan perbelanjaan setiap parti atau calon bagi sesuatu pilihan raya selaras dengan seksyen 19(1) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954. Seseorang calon atau parti politik tidak boleh membelanjakan lebih RM200,000 untuk sesuatu pilihan raya Dewan Rakyat dan tidak boleh lebih 100,000 untuk Dewan Undangan Negeri.

Jadi, saya ambil contoh pada tahun 2004, di mana Barisan Nasional telah membelanjakan RM218 juta untuk bahan-bahan pilihan raya sahaja. Dalam kata lain jikalau BN yang bertanding 219 kawasan Parlimen dan 505 kawasan DUN tidak boleh berbelanja lebih daripada RM94.3 juta. Ini membuktikan bahawa Barisan Nasional telah melanggar Akta Kesalahan Pilihan Raya dengan perbelanjaan lebih dua kali ganda daripada hak maksimum yang boleh dibenarkan. Namun tiada sebarang tindakan diambil sehingga hari ini.

#### ■ 1015

Keenam belas, mana-mana pemilih yang diragui tidak boleh dibatalkan kelayakan mereka sehingga kes mereka dapat dibuktikan. Bagi suku tahun yang ketiga tahun ini terdapat 2,183 pemilik awam yang diragui di Pulau Pinang. Pada asalnya pemilih-pemilih awam yang diragui disenaraikan dalam Rang Daftar Pemilih Tambahan. Ini bermaksud jikalau tidak ada bantahan dibangkitkan dalam tempoh pameran tujuh hari, senarai tersebut akan dipotong dari daftar pemilih induk. Jadi kini SPR memberikan tempoh sehingga 31 Disember untuk pemilih-pemilih awam tersebut mengesahkan status mereka. Jikalau tidak ada pengesahan dibuat ini akan menyebabkan senarai tersebut terus dipotong. Saya rasa ini telah mewujudkan satu keadaan yang tidak senang untuk mereka khasnya warga-warga tua yang status pemilih mereka dilalui. Saya pernah mengenal pasti di antara pemilih-pemilih tersebut diragui di mana di kawasan Komtar saya dapati sekurang-kurangnya sembilan yang masih hidup. Ada yang masih tinggal di alamat yang sama, tetapi mereka diragui. Alasan yang diberikan oleh SPR kerana SPR mengikut senarai yang dibekalkan oleh Ibu Pejabat SPR.

Mereka akan membuat lawatan dua kali ke alamat tersebut untuk mengenal pasti sama ada orang itu masih hidup atau tidak. Jikalau dalam lawatan kedua, mereka masih tidak dapat dikesan, maka nama mereka akan dipotong. Akan tetapi nama mereka yang dipotong masih tinggal di alamat yang sama. Saya pun hairan mengapa nama mereka dipotong. Walaupun ada yang masih memiliki rumah pada alamat yang asal, kerana warga-warga tua hendak menghuni bersama anak-anak mereka, saya rasa ini bukan tidak harus menjadi satu alasan, supaya mereka dipotong, mereka diragui dan dipotong. Saya rasa siasatan yang rapi perlu dijalankan sebelum kita dapat mengenal pasti sama ada orang itu tidak wujud kerana pertukaran alamat atau mereka tidak menghuni di alamat tersebut tidak menjadi satu alasan yang *rigid* untuk mereka dipotong. Kerana kita pun tidak *enforce* supaya mana-mana orang yang bertukar alamat perlu menukar MyKad dalam tempoh tiga bulan. Ini tidak diperketat.

**10.18 pg**

**Tuan Tan Cheong Heng [Parti DAP Pulau Pinang]:** Tuan Pengerusi, izinkan saya bercakap. *This issue* juga berlaku di kawasan saya Padang Lalang. Saya juga dapati tiga orang masih hidup. Akan tetapi dia juga diragui awam dalam SPR baru-baru ini. Jadi saya berharap isu ini SPR boleh ambil tindakan yang lebih serius, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Kita telah buat keputusan bahawa ada 42,000 pemilih yang diragui. Kita di sini buat keputusan agar nama-nama itu diserahkan kepada ADUN di kawasan seluruh negara untuk membantu SPR macam Yang Berhormat tadi sebutkan. Yang Berhormat boleh membantu mengenal pasti mereka yang masih ada lagi dan maklumkan kepada SPR supaya kita membersihkan. Yang mati maklumkan kepada SPR yang mati daripada 42,000. *This is one step towards* membersihkan. Mungkin banyak lagi yang akan dibuat. *This is one of the steps* yang diambil oleh jawatankuasa membuat keputusan supaya kita hantar senarai kepada ADUN masing-masing. Sudah terima?

**Tuan Ng Wei Aik:** Bukan hantar kepada ADUN, ini dihantar kepada parti politik di mana kita perlu agihkan kepada ADUN. Akan tetapi masalahnya jikalau kita ada maklumat, memang kita dapat bantu untuk mengesan, tetapi mungkin ada yang tinggal di alamat lain. Kita pun tidak dapat maklumat itu dari jiran-jiran atau kawan-kawan mereka. Susah kita hendak memaklumkan atau membantu SPR membuat pengesahan tersebut. Saya rasa mungkin bagi kes-kes sebegini kita cuba tangguhkan tindakan pemotongan itu kerana memang tidak adil. Walaupun dia tidak dapat bergerak dengan senang, tetapi saya rasa ini bukan satu alasan untuk memotong mereka, di mana kita sekarang hendak bawa mereka ke JPN, selepas itu hendak bawa mereka ke SPR ada yang tidak sudi walaupun kita dapat menghubungi mereka, ada yang tidak sudi. Akan tetapi kita dapat mengesan.

Jikalau kita dapat membekalkan maklumat dan bukti-bukti tersebut kepada SPR, haraplah SPR dapat mempertimbangkan walaupun tanpanya pergi ke JPN atau SPR.

**Tuan Pengerusi:** Itu maksudnya Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat sendiri mengesahkan bahawa kalau individu itu masih hidup, SPR akan mengambil tindakan.

**Tuan Ng Wei Aik:** Okey, yang ketujuh belas, pendaftaran pemilik tentera dan polis yang baru harus dilakukan oleh kakitangan SPR sendiri dengan adanya akses ke pangkalan data ATM atau PDRM ken memang ada banyak kelemahan jikalau pendaftaran itu dilakukan oleh pendaftar SPR yang dilantik dari kalangan anggota tentera atau polis. Saya ada maklumat di sini, boleh saya tunjukkan di mana ada yang pertindihan di mana ikut jadual itu ada enam nama di mana ada tiga pasangan mereka ada IC lama yang sama.

Walaupun IC baru berlainan, IC lama yang sama nama berlainan. Saya rasa saya sangsi dengan itu, kesahihan maklumat tersebut dan ini sini ada juga satu senarai yang amat *interesting* di mana kita boleh - Ini adalah pasangan untuk tentera... [*Merujuk kepada dokumen yang disediakan*] Mereka yang memakai nombor MyKad itu adalah orang biasa pasangan tentera dan mereka yang pakai kad pengenalan tentera itu adalah tentera di mana kita boleh mendapati bahawa ada pasangan yang tarikh lahir yang sama. Saya rasa begitu aneh, dan ada tentera yang kahwin sendiri. Macam Zamzan bin Yahya dia adalah pasangan, dia adalah juga tentera. Dia kahwin sendiri.

**Tuan Pengerusi:** Itu isteri dia menggunakan nama dia. *But, whatever it is you are talking about double registration*lah.

**Tuan Ng Wei Aik:** Jikalau kita tidak mengesan dengan semak nombor kad pengenalan tentera itu kita tidak dapat maklumat itu. selepas kita semak kita mendapati amat ganjil dan ada pasangan yang sama jantina. Ini kita tidak harus digalakkan di kalangan tentera.

**Tuan Pengerusi:** Ada kahwin sama-sama jantinakah?

**Tuan Ng Wei Aik:** Sama-sama jantina. Ini ada – Wong Chee Kiong.

**Tuan Pengerusi:** Tentera sahajakah atau orang lain semua boleh buat? Hanya tentera sahaja tidak boleh kahwin sesama jantina ataupun orang lain sama-sama sekali?... [*Ketawa*]

**Tuan Ng Wei Aik:** Semua tidak boleh.

**Tuan Pengerusi:** Semua tidak boleh. Ikut undang-undang memang tidak boleh, tetapi ini berlaku di markas tentera sesuatu yang aneh. Ada maklumat yang salah dimasukkan walaupun nama wanita tetapi jantina ditunjukkan lelaki, ada yang pasangan tidak wujud walaupun ada kad pengenalan tentera untuk pasangannya, tetapi rekod tidak dijumpai. Jadi mungkin mereka menggunakan satu identiti yang tidak wujud untuk melayakkan diri mereka untuk mendaftarkan sebagai pemilih pos. Lapan belas...

**Tuan Loke Siew Fook:** Okey, okey. Sebelum itu Tuan Pengerusi, dalam poin ini mungkin saya minta SPR bagikan sedikit penjelasan apakah tindakan sebab di kawasan saya pun banyak berlaku dan saya telah hantarkan senarai kepada SPR. Iaitu samalah dengan kes yang dibawakan oleh saudara tadi. Saya mengesyaki bahawa apabila mereka mendaftarkan nama itu mereka telah tersilap menggunakan IC kepada tentera itu dan menjadikan bahawa identiti kedua-duanya sama, tetapi didaftarkan sebagai pengundi pos juga. Mereka ada dua undilah, satu orang sama tetapi ada dua undi. Jadi mungkin apa tindakan daripada SPR? Boleh perelaskan.

**Dato' Haji Noordin Che Ngah [Timbalan Setiausaha (Pilihan Raya)]:** Tuan Pengerusi, dan Yang Berhormat-Yang Berhormat pertamanya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Loke Siew Fook tadi saya berterima kasih sangatlah kerana diberi ruang untuk menjawab di sini. Saya mengharapkan supaya Yang Berhormat yang bertanya itu boleh *take note* atau boleh faham dengan apa yang akan saya perelaskan ini.

Mengenai dengan yang dibangkitkan tadi, sebenarnya mengenai pergandaan sebagaimana yang disebut oleh Tuan Pengerusi. Apabila SPR telah mempunyai maklumat kad pengenalan 12 angka untuk keseluruhan tentera di Malaysia. Maka dengan itu kita dapat tentukan yang mana berlaku pertindihan Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Dengan lain perkataan seperti mana yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat .. tadi, kita sudah mengambil tindakan. *In fact* saya sudah memaklumkan secara bertulis kepada Yang Berhormat sendiri dan Insya-Allah benda ini dahulu kita tidak dapat sepenuhnya KP12 daripada tentera. Apabila sekarang KP12 sudah ada KP12 ini milik tentera ini dan sebagainya, maka kita telah membuat pembersihan Yang Berhormat. Jadi kita mengakuilah sebagaimana yang disebut tadi, kad pengenalan suami telah dimasukkan untuk pasangan dia. Berlaku kesilapan seperti mana yang diperjelaskan kepada Yang Berhormat Tuan Loke Siew Fook.

**Tuan Loke Siew Fook:** Akan tetapi adakah pemotongan itu dilakukan kepada nama-nama yang kita buat aduan sahaja ataupun kepada keseluruhan?

**Dato' Haji Noordin Che Ngah:** Keseluruhan Yang Berhormat. Kita semasa dalam usaha pembersihan kita.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat mengikuti apa yang diterangkan oleh Dato' Noordin Che Ngah tadi bahawa sekarang ini dikeluarkan satu kad 12 digit serupa macam MyKad dengan Yang Berhormat punya MyKad, dengan saya punya MyKad, serupalah 12 digit, semua tentera, polis menggunakan kad begitu. Akan tetapi dalam kad itu juga mencatatkan nombor tentera dan nombor polisnya juga. Dengan lain perkataan, dia gunakan satu kad mana-mana pergi pun kena guna kad itu, hendak pergi mengundi pun kena bawa kad itu juga. Bermakna tidak lagi berlaku pertindihan. *You cannot register twice.*

Dia di sini register sebagai tentera dan dia guna kad awam dia pergi register di tempat lain sebagai pengundi awam. Tidak boleh berlaku lagi, sebab, *if I can give it to you*, ini contoh kad tentera dia... [Menunjukkan dokumen yang berkenaan] Di bawah dia ada kad nombor. *He has to use this* kad undi...

**Tuan Ng Wei Aik:** Kad ini warna apa?

**Tuan Pengerusi:** Dia tulis MyTentera.

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Ini ada contoh.

**Tuan Pengerusi:** Ya, *come, come, come*.

**Tuan Loke Siew Fook:** Tuan Pengerusi, cuma saya cadangkan kepada saudara Ng, nama-nama tersebut mungkin boleh *check* balik. Kalau masih ada dalam senarai pemilih mungkin boleh hantar terus kepada SPR.

**Tuan Pengerusi:** *Please double check, help the SPR to clean up but this is new method*, cara baru untuk hendak - *This is MyTentera* punya kad.

**Tuan Ng Wei Aik:** Okey, saya teruskan. Mungkin saya rasa, lagi satu cadangan supaya isteri atau ahli keluarga tentera polis tidak boleh didaftarkan sebagai pengundi pos. Ini kerana memang kita tidak mahu menggalakkan penyalahgunaan kerana ini status yang hanya diberikan kepada anggota polis atau tentera yang perlu berkhidmat di kawasan-kawasan luar daripada tempat mengundi.

Poin kesembilan belas, semua parti atau calon yang bertanding tidak dibenarkan untuk memainkan isu-isu perkauman atau agama semasa kempen pilihan raya dijalankan. Perlu menggubal perundangan yang baru untuk mengharamkan mana-mana parti politik atau calon untuk berbuat demikian. Dengan itu sentimen perkauman, keagamaan atau sikap benci-membenci dapat dikawal.

Kedua puluh, SPR diberikan kuasa untuk mendakwa atau mengambil tindakan terhadap mana-mana parti politik atau calon yang melakukan kesalahan pilihan raya termasuk melucutkan kelayakan mereka sebagai wakil rakyat terpilih. Saya rasa ini juga perlu dilakukan melalui penggubalan undang-undang supaya SPR ada kuasa yang termaktub untuk berbuat demikian dan tidak hanya bergantung kepada peguam negara kerana dalam tempoh pilihan raya, memang kerajaan *caretaker* ditubuhkan. Jadi tidak harus Peguam Negara menghadiri kes-kes sebegini dan SPR perlu diberikan kuasa mutlak untuk menentukan kes-kes, sama ada kes yang perlu dibawa ke pendakwaan.



## ■ 1030

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, semalam kami mendengar keterangan daripada pihak SPR yang menyatakan bahawa selama ini mereka tidak menganggapkan sebagai satu badan yang selalu hendak mendakwa orang, dia pun mengendalikan pilihan raya. Jadi kami semalam mencadangkan agar pihak SPR mengambil tindakan yang tegas sebab undang-undang ada, peraturan ada untuk mereka mengambil tindakan. Sebagai contohlah, orang yang menukar alamat sengaja menukar alamat, dia hendak menukar alamat hendak mengundi. Jadi ada dalam kertas yang dia menukar alamat itu di bawah itu menuliskan, "*Jika engkau membuat kenyataan yang palsu, boleh diambil tindakan.*" Jadi, kita berharap SPR mengambil tindakanlah. Jadi apabila ambil tindakan, perkara-perkara Yang Berhormat bangkitkan tadi itu mungkin selepas itu SPR akan berani ambil tindakan pula. Kita hendakkan SPR bukan sahaja mengendalikan pilihan raya, tetapi mengambil tindakan jika melanggar peraturan-peraturan pilihan raya. Itu yang kita hendakkan.

**Tuan Ng Wei Aik:** Baik. Ini kita haraplah SPR tidak lagi berperanan sebagai harimau tambah taringlah. Kedua puluh satu, tiada mana-mana parti politik dibenarkan untuk memiliki atau mengawal media bagi menjamin kebebasan media dan kebebasan liputan semasa kempen pilihan raya. Saya rasa ini boleh juga dibuat melalui penggubalan undang-undang supaya tiada mana-mana politik dapat memiliki atau mengawal media arus perdana secara langsung atau tidak langsung. Mana-mana media yang tidak memberi ruang yang seimbang kepada parti-parti politik yang bertanding, boleh digantung operasinya untuk tempoh pilihan raya. Kawan saya hendak tambah satu.

**Tuan Tan Cheong Heng:** Tuan Pengerusi, izinkan saya tambah satu cadangan yang tidak dicatat dalam *black and white* ini. Saya cadang SPR juga boleh mengadakan *guideline* ataupun undang-undang supaya sesiapa calon kalau telah menang kerusi tidak kira DUN ataupun Parlimen dan jikalau beliau lompat parti, keluar daripada parti, *automatically* calon itu digantung dan perlu diadakan pilihan raya kecil untuk kerusi itu. Ini harus dijalankan untuk situasi ataupun politik kita lebih stabil. Itu sahaja. Terima kasih. Harap boleh dipertimbangkan dengan sebaiknya.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat kerana ini cadangan yang pertama, kali yang kedua kami dengar pagi inilah. Terima kasih.

**Tuan Ng Wei Aik:** Baik. Terima kasih.

**Tuan Loke Siew Fook:** Ya Tuan Pengerusi. Terima kasih Tuan Ng Wei Aik. Saya hendak rujuk kepada poin yang keempat berkenaan dengan alamat pengundi dikemaskinikan secara automatik apabila berlakunya pertukaran alamat MyKad.

Saya faham tujuan cadangan ini dibuat oleh DAP Pulau Pinang untuk memudahkan mereka yang pindah alamat untuk mengundi di kawasan ataupun di alamat mereka yang terbaru. Akan tetapi saya sebagai ahli panel, saya perlu konsisten dengan pendirian saya. Ini kerana saya dalam Jawatankuasa telah banyak kali membawa bahawa isu yang ini, walaupun kita faham kerana kita memudahkan orang untuk menukar alamat, yang benar-benar bertukar alamat mengundi di kawasan yang baru, tetapi cadangan ini mungkin juga akan membuka satu ruang yang lebih luas kepada mereka yang mahu memanipulasikan pertukaran alamat.

Umpamanya, mereka kalau katakanlah ada kumpulan, ada orang, ada parti yang ingin *shift voters* secara banyak ke satu kawasan Dewan Undangan Negeri ataupun untuk satu kawasan Parlimen, mereka hanya perlu membawa orang-orang itu menukar alamat di JPN dan terus mereka akan dimasukkan ke dalam kawasan itu.

Walaupun sekarang ini, perkara ini walaupun perlu daftar satu kali lagi dengan SPR pun sudah begitu mudah dilakukan. Apatah lagi kalau hanya bagi mereka tukar alamat di JPN, terus tukar alamat di SPR, maka itu akan lebih mudah. *So*, saya harap cadangan ini perlu berhati-hatilah sebab ada *double edge sword* dalam cadangan ini.

**Tuan Ng Wei Aik:** Saya harap lebih mudah supaya kakitangan SPR ditempatkan di Pejabat JPN. Ini lebih cepat.

**Tuan Loke Siew Fook:** Itu tidak menyelesaikan masalah. Ini kerana kalau orang itu bawa dia pergi tukar alamat, dia lagi senang. Kalau dia hendak *manipulate*, dia lagi senang. Jadi, memang kita dalam Jawatankuasa ada membuat satu cadangan untuk buat *SD*...

**Tuan Pengerusi:** Saya cadangkan DAP bincang sama-sama hal ini... *[Ketawa]*

**Tuan Loke Siew Fook:** Saya cuma...

**Tuan Ng Wei Aik:** Tidak ada masalah. Akan tetapi saya rasa jikalau seorang pindah kawasan, dia walaupun perlu pergi walaupun tidak secara automatik, dia akan buat. Dia memang akan buat jikalau dia berhajat untuk berbuat demikian.

**Tuan Pengerusi:** Okey Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Ng Wei Aik:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** *Thank you very much.*

*[Ahli-ahli Parti Progresif Rakyat Pulau Pinang (PPP) mengambil tempat di depan Jawatankuasa]*

**10.35 pg.**

**Tuan Pengerusi:** Kumpulan yang ketiga ialah daripada PPP iaitu Parti Progresif Rakyat Pulau Pinang. Dipersilakan.

Empat orang mereka. *Four of you okay? Oh! Five*, ada tambahan seorang lagi. *Okay. Welcome. Thank you very much for coming. Please introduce yourself.*

**Puan Chye Ann Lee [Parti Progresif Rakyat Pulau Pinang (PPP)]:** Selamat pagi. Tuan Pengerusi, izinkan saya memperkenalkan ahli-ahli yang bersama saya. Yang duduk di sebelah kanan adalah Encik Andrew Rajah bersama Encik Selvarajo Permal dan di kiri saya, Encik Nachatar Singh dan Encik Raja Segarem.

Tuan Pengerusi, PPP Pulau Pinang... *[Disampuk]* Encik Andrew Rajah. Di sebelah Encik Andrew adalah Encik Selvarajo Permal... *[Disampuk]* Encik Raja Segarem dengan Encik Nachatar Singh. Dengan izin Tuan Pengerusi, PPP Pulau Pinang mempunyai tiga cadangan.

Cadangan pertama dan kedua telah pun dikemukakan, sama seperti yang dicadangkan oleh Parti Gerakan. Saya akan dengan ringkas *to go through that* yang - Tuan Pengerusi, dengan izin sekarang kami ingin mencadangkan bahawa setiap warganegara dengan automatik dijadikan pengundi apabila mereka mencapai umur 21 tahun. Kami juga ingin meletakkan satu beban ke atas warganegara, sekiranya mereka tidak mahu menjadi pengundi bahawa mereka boleh memohon untuk dikeluarkan daripada senarai pemilih. *That means* dengan izin Tuan Pengerusi, *that everybody automatically will become a voter when they are 21 years old. But if they feel that they do not want to exercise their privilege that is up to them to go and apply to be removed from the voter list.*

*Okay. The second one...*

**Tuan Pengerusi:** *That is very interesting.*

**Puan Chye Ann Lee:** *Yes. It is because Tuan Pengerusi, if everybody is automatically a voter then it is up to them. If they feel they do not want to exercise the privilege given to them by the constitution, they must be the one going to apply to this entitle themselves.*

**Tuan Pengerusi:** *But why do you have to make a provision to them to entitle themselves?*

**Puan Chye Ann Lee:** *Well, I mean perhaps some...*

**Tuan Pengerusi:** *Just let them be there.*

**Puan Chye Ann Lee:** *We cannot let them be there. But in case some people felt that I do not want to be, so they must be also provision...*

**Tuan Pengerusi:** Dia tidak mahukan nama dia disenaraikan sebagai pengundi.

**Puan Chye Ann Lee:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Itu satu...

**Puan Chye Ann Lee:** *Perhaps. Mungkin ada orang yang berasa bahawa nama saya di sana, tetapi saya tidak mahu nama saya di sana. So, that should be also provision kalau...*

**Tuan Pengerusi:** *That might create a new issue, nama dia tidak ada langsung dalam senarai, SPR juga disalahkan sebab tidak daftar. The rest in fact he's the one who was...*

**Puan Chye Ann Lee:** *Yes. But I mean there would be record to show that he or she is the one that has taken off.*

**Tuan Pengerusi:** *Ya. But anyway it is interesting suggestion. Okey.*

**Puan Chye Ann Lee:** *Cadangan kedua juga sama bahawa Jabatan Pendaftaran Negara juga akan bertanggungjawab untuk...*

**Tuan Pengerusi:** *This has been done.*

**Puan Chye Ann Lee:** *Ya. This has been the same thing that we feel that there should be online that once sijil kematian has been done...*

**Tuan Pengerusi:** *Has been done.*

**Puan Chye Ann Lee:** *Ya.*

**Tuan Pengerusi:** *Since the 1<sup>st</sup> of December this year.*

**Puan Chye Ann Lee:** *Yes.*

**Tuan Pengerusi:** *According to the JPN, since December this year, 1<sup>st</sup> December, in other word, just a few days ago.*

**Puan Chye Ann Lee:** *Yes.*

**Tuan Pengerusi:** *Now it is in place, once you have obtained the burial certificate, automatically that is inform to the JPN that will automatically through their link, at least will inform SPR, out dia punya nama dikeluarkan daripada daftar.*

**Puan Chye Ann Lee:** *Yes. Thank you Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, yang untuk cadangan ketiga, kami bercadang bahawa untuk mencegah eligasi pengundi hantu, kami mencadangkan bahawa cap ibu jari setiap pengundi disahkan melalui MyKad apabila mereka mendaftar untuk mengundi, perhaps they will have to bring their IC, dengan izin. We bring the IC, we put it in MyKad reader and then it will certify that the person in the IC is the same as the person voting. Perhaps as an adapt precaution that also the indelible ink also be applied on their hand or...*

**Tuan Pengerusi:** *[Ketawa] You are talking about the biometric system.*

**Puan Chye Ann Lee:** *Yes, Biometric system.*

**Tuan Pengerusi:** *Ya.*

**Puan Chye Ann Lee:** *That is into prevent say that my learned friends from Gerakan was saying perhaps it can be removed by at least perhaps then they will bring another IC and saying that they are the other person. But biometric system, you cannot denying that you are the person as stated on your IC.*

**Tuan Pengerusi:** *I think you was suggested by the SPR one time to use this biometric, but the – It is something to think about. You are suggesting is that voter come handover his or her IC and the same time there is the little gadget like the one you see at the bank or...*

**Puan Chye Ann Lee:** *Yes, like we find at the bank.*

**Tuan Pengerusi:** *So, they just put their finger there, the thumb.*

**Puan Chye Ann Lee:** *Yes the thumb.*

**Tuan Pengerusi:** *Then you will be registered...*

**Puan Chye Ann Lee:** *It would say that they are the person stated in the IC and then as the further precaution...*

**Tuan Pengerusi:** *So there is no need for them to have this...*

**Puan Chye Ann Lee:** *Yes. There is no need but as a further precaution they feel they want to and it was also to prevent that, if let say, they have already got the fingers marked beforehand but if they put there, MyKad there, it can show that they have not voted, so that might perhaps prevent a bit of the problem raised by my friends in Gerakan.*

**Tuan Pengerusi:** *But places like Yang Berhormat Kapit here. Yang Berhormat Kapit ini raised some objection, because they do not have electricity...*

**Puan Chye Ann Lee:** *Perhaps voters...*

**Tuan Pengerusi:** *But anyway, we are listening.*

**Puan Chye Ann Lee:** *That is all our suggestions Tuan Pengerusi. Thank you very much.*

**Tuan Pengerusi:** *Anybody else wants to add anything? They just come to support right?*

**Puan Chye Ann Lee:** *Yes.*

**Tuan Pengerusi:** *Thank you very much.*

**Puan Chye Ann Lee:** *Thank you very much. Terima kasih.*

*[Saksi individu (Encik Ng Eng Kiat) mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]*

**10.42 pg.**

**Tuan Pengerusi:** *Kumpulan yang keempat ialah seorang individu. Dipersilakan Encik Ng Eng Kiat. Yes, please come forward Encik Ng Eng Kiat. Selamat datang Encik Ng Eng Kiat.*

**Encik Ng Eng Kiat:** *Terima kasih. Selamat datang ke Pulau Pinang.*

**Tuan Pengerusi:** *Thank you very much. We have a lot of Nasi Kandar. I see you have...*

**Encik Ng Eng Kiat:** *Yes, the evidence. Okay, thank you.* Nama saya Ng Eng Kiat. Selamat pagi semua. Terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana mengalu-alukan saya untuk memberi beberapa komen dan cadangan di *Parliamentary Select Committee* pada pagi ini. *I wish to thank the honorable members PSC for giving me the opportunity this morning. Before I begin, this paper is very short brief paper titled "The Case for Proportional Representation". But before I begin, would like to lend my support to the call for the eight fundamental basic demands which had been stated many times previously* iaitu membersihkan daftar pengundi...

**Tuan Pengerusi:** *Go ahead to your first-past-the-post.*

**Encik Ng Eng Kiat:** Ya. *So, voters select members in the lower House of our bicameral Parliament from single member constituencies using the first-past-the-post voting system.* Jadi pengundi meletakkan satu tanda *cross* di dalam petak di sebelah *candidate*, calon yang mereka ingin pilih dan calon boleh memenangi satu kerusi tanpa ada majoriti dalam *constituency* itu, tetapi dengan hanya melebihi undi yang didapati oleh semua calon yang lain. Maka sekiranya ada lima orang calon dalam sesebuah *constituency*, tidak perlu adanya majoriti pengundi. Biasanya, dalam pertandingan ataupun dalam *contest* yang ada lebih banyak calon, seorang calon yang menang itu lazimnya dipilih oleh satu minoriti daripada kesemua pengundi dalam kawasan itu.

Maka, semua undi yang diberikan kepada calon yang kalah, *the losing vote has no value what so ever.* Maka dalam sesebuah kerusi di mana ada 100,000 orang pengundi, 51,000 orang pengundi mengundi untuk calon 'A', calon 'A' menang kerusi itu dan 49,000 pengundi yang undi untuk calon 'B' yang kalah telah tiada nilai untuk undinya kerana calonnya kalah. Maka *this principle for one person one vote* ataupun OMOV yang *previously known as One Man One Vote Principle has been eroded through electoral gerrymandering that created constituency with highly disproportionate numbers of voters.* So just for infamous example, I am sure ramai yang sudah kenal *example* ini, Kapar *constituency* di Selangor mempunyai pada *last January election* 112,224 pengundi yang berdaftar dan *in comparison with Putrajaya Federal Territory Constituency*, kita ada 6,608 pengundi.

#### ■ 1045

Jadi untuk melihat bagaimana perubahan jumlah pengundi dalam sesebuah kawasan itu boleh memberi impak kepada sesuatu pilihan raya, saya ingin mengambil contoh *constituency* kawasan Pekan di Pahang sebagai satu contoh. Pada Pilihan Raya Umum Kesepuluh pada tahun 1999, Pekan mempunyai jumlah pengundi berdaftar 35,382 orang pengundi. Calon Barisan Nasional *incumbent* yang menang pada pilihan raya sebelum itu telah *retained* Pekan dengan satu majoriti sebanyak 241 undi, *very thin majority.*

Akan tetapi pada Pilihanraya Umum Kesebelas pada tahun 2004 saiz *constituency* Pekan telah meningkat secara mendadak sebanyak 16,855 pengundi baru di kawasan ini sahaja. Ini menjadikan Pekan daripada 35,000 pengundi menjadi satu *constituency* kawasan kerusi yang mengandungi 52,687 pengundi. Maka pada tahun 2004, pada Pilihan Raya Kesebelas *the incumbent this time retained this seat* pada majoriti 22,922.

Pada pilihan raya yang lepas Pekan terus meningkat jumlah pengundinya kepada 58,217 pengundi dan *incumbent* memenangi kerusi ini dengan majoriti 26,464 undi. Maka, *I think just to show an example. I am not pointing fingers at anyone, bahawa, sudden increase* satu peningkatan yang mendadak dalam jangka masa tidak beberapa tahun sahaja, telah menyebabkan satu impak yang begitu besar kepada keputusan sesebuah pilihan raya pada 1999 yang hanya majoritinya 200 lebih undi menjadi majoriti lebih 20,000 undi. Berapa peratus peningkatannya?

Jadi saya ingin membaca dengan izin satu petikan daripada satu laporan yang ditulis oleh Encik Jeremy Grace di bawah projek Delimitation Equity Project. Tajuk *papemya* ialah "Malaysia: Malapportioned Districts and Over-Representation of Rural Communities". Komen Encik Grace ialah pada *delimitation exercise in 2003. The limitation proposal passed by Parliament created 25 new constituency in 2003. Most of it emerges out of the district that overwhelmingly supported by Barisan Nasional 1999 General Election. Many of the changes seem to blatantly ignore population trends for example The State of Selangor with a population 4.19 million and annual growth rate of 6.1% since 1991 census receive five new seats. In comparison Johor however with a population only 2.74 million and an annual growth rate of 2.6% was granted six new seats. Given the much larger total population and much higher growth rate, Selangor should have received more new seats compared to Johor. Why was this so? The reason for the inconsistency is obvious. In 1998 election Barisan Nasional won 54.8% out of the popular vote total votes, jumlah undi. Setiap orang satu undi tidak kira kawasan 58.4% undi Barisan Nasional di Selangor.*

*Whereas in Johor, sementara di Johor 75.2 % of the popular vote. Jumlah undi di Johor telah diberikan kepada Barisan Nasional. So not the standing problem of the gerrymandering, mal-apportionment which has been discussed. I think more comprehensively by the people area in Sarawak, I think you have been to Sarawak. I think there is pressing need for the committee untuk committee PHC untuk melihat kembali sistem FPTP, (The First Past the Post System ) di mana seseorang calon boleh memenangi kerusi dengan kadar undi yang begitu kurang dan ignores the fact that many of these votes are alienated from their right.*

*So, just as a brief history. FPTP digunakan di kawasan-kawasan formally British colonies. If according to this report from Electoral Reform Society in UK, since 1945, sejak tahun 1945 only three new democracies in the world that are not formally British Colonies. These countries are Albania, Macedonia and Ukraine, they have introduced voting systems which are first pas the post.*

*All the new democracies post 1945 introduced a different voting system, not first-past the post. So, first- past -the- post is a British hammy down. Of many countries that use that FPTP, a most commonly cited United Kingdom the House of Common, Chambers of the Congress in the US as well as lower house in India and Canada. So FPTP as I said earlier waste huge number of votes cast in constituency for losing candidates count for nothing. FPTP severely restrict voter choice because parties are encouraged to build huge coalition in going to general election.*

*They are not encouraged to compete on multiple parties or small parties, because it stands chance of fighting against a huge party. So, parties are forced they are not given a choice but this courage, from competing as individual parties but forced to come together as coalition. Therefore, for this coalition is a collection of many different viewpoints and informed decision on what is different from these two parties. So, worst is preferred party candidate in your candidate constituency has view which you disagree. But you support this party and then you disagree, but you disagree with the candidate. There's no way for you to express your disagreement.*

*So, walaupun you tidak sokong parti 'A' akan tetapi you sokong parti 'B'. Akan tetapi calon parti 'B' dari parti B you memang tidak suka orang ini. But there's no way for you to express that sort of this contempt. You can't vote for party 'A' because it goes against ideology. You can't vote for party B because candidate B is someone you just find disgusting and un-voterable.*

*So, I think this is a problem with the FPTP. Furthermore with the relatively small constituency sizes. The race boundaries are drawn as well as ability for the rolling party to create safe seats, encourages attempt gerrymandering. Small constituencies also lead to a proliferation of safe seats, where the same party is almost guaranteed re-election at each election. For the example the areas rich. The rolling party's feels that it's an electoral desert, it would never stand a chance to win in those seat ruling.*

*What happen if they risk ignoring development in this areas. Ignoring it to this areas. So, because FPTP restrict a constituency's choice of candidate's representation of minorities and women they suffers. Because you need to put a candidate which us considered most broadly acceptable to increase the chances of winning.*



*The chances for minority candidate as well as women candidate goes down. So, the safer looking candidate where always be given this chances in any seat.*

*FPTP is I just said earlier, so this advantages multiple party politic because it encourages parties to form coalition to avoid multiple cornered fight. Multiple cornered fights under FPTP is, totally, it defeats the purpose having an election when you have multiple cornered fights under the FPTP system which ultimately benefit one big party. In Malaysia, I think I know I won't need to make a very clear reference to which parties we are talking about. Because this is a reality where two party politics can be a form of check and balance.*

*Smaller party with significant support stand little chance of fighting, going to head to head fights with the big parties. Therefore – but worst, what would happen is the spoiler effect. I think we have seen in three cornered fights their situations where the small party takes a significant small amount of the vote share. But not enough to win a seat but enough to create an impact on the election results in that particular constituency. So, this is the effect which we call the spoiler effect which a third party risk of creating this spoiler effect and by damaging the prospect of other parties with similar view points or similar stand or similar ideologies.*

*So, this encourages multiple party politics. So, smaller parties can disproportionately change the outcome of this election by swinging what is called 50-50% balance of two party systems creating a fraction between one or both ends of the political spectrum which shifts the winner of the election from an absolute majority outcome to a simple majority favoring the previously less favored party.*

*Now, my next section is on looking at results of previous election. If you look at the table it tracks election from 1959 up to 2008 that twelve election of Malaysia, 12th General Election From year 1959 and 1964 not yet Malaysia – 1964 already form Malaysia but the 1964 election Sabah and Sarawak did not have a Parliamentary election. So, year 1959 and 1964 I think we can just are note there.*

*So, year in 1969 onwards if you just take a look at this table it is clear that throughout the history of head election in Malaysia. The ruling party has always won a disproportionate amount of seats in Parliament to the actual numbers of votes casted in their favor. So you just take a look a Barisan Nasional percent of popular vote throughout the history and then you compare that to the percent of seat the Barisan Nasional control in Parliament. You see that in 1969 for the example the Barisan Nasional won 49.3% of total vote caste but control 65.97% in the Dewan Rakyat.*

*So, this is for your reference but the only thing I would like to point out is that throughout the 12th election in our history, the ruling coalition, ruling party has only four times only. Empat kali sahaja mendapat jumlah undi lebih daripada 60%.*

*This, despite the believe that Barisan Nasional has been so dominant in Malaysia politics for so long. There only four instances, four election when Barisan Nasional won total vote share of above 60% which is which years 1974, 1982, 1995 and 2004, empat kali sahaja.*

*But out of this twelve election, despite only four times above 60%. Only two times have the ever lost control 70% of seats. The 70% of seats hanya dua kali in fact in 1969 – 65.97% of seats and 2008 the last election 62.61% seats. So despite only four times winning above 60% of votes share. They have managed to control more than 70% of seats in Parliament for all the other time. So, I believe this is what I'm talking about when we talk about disproportionate votes in term of, in a relation to the number of seats a party is able to control in Parliament. I think that a serious need for this committee to look at this problem of gerrymandering, mal-apportionment as well as couple with the first past the post. I think this is a core to the process of the election. We are talking about democratic, fair election, its start here.*

*So, just for your information - FPTP is no longer the most widely practiced voting system in the world. These are second most widely practice voting system with 91 countries, if I am not wrong. At last count still practicing first past the post. Various there are over 110 other nation which has, although there are some countries still have the first past the post system, what they call hybrid system on Mix Member Proportional representation system (MMP). In more and more countries, in more and more democracies in the world today, we are seeing the shift towards some form of proportional representation.*

*The case of the proportional representation, I would like to recommend that this committee considers and strongly considers doing the study of some sort of suggesting the reform of the voting system and push for the election that reflect more proportionately the popular vote count. This one person, one vote principal can be strengthened through the system that this not no losing vote just because voters and the constituency are lucky to be voting in that sort of the constituency.*

*So, the rational underpinning all proportional of representational system is to reduce the disparity between a party's share of the national vote and the share of the parliamentary seats.*

■ 1100

*If the major party wins 40% of the votes share, says for example in last general election, 2008 elections, Barisan Nasional won 51.4% of the votes share. Ideally speaking in Parliament it is control seats should reflect 51.4% and not over 60% and the minor party with 10% votes share should gain the 10% representation in legislative seat. So this congruity between a partner share of vote and the share of seats, I think provide an incentive for all parties to support and participate in this system. You win your number of seats according to the number of votes. But you're not deprives of single member constituencies.*

*This is what the hybrid system does. You will retain single member constituencies yang sedia ada, but you also have a party lists a different set of proportional representative system to balance out any imbalances in the single member constituencies system.*

*So through a PR system, every vote should be given more or less equal value. Now I confirm the constituency of Kampar at Perak, my constituency consists of about 60,000 voters. Putrajaya consist of 6,600 voters. The value of my individual vote adalah hampir 10 kali ganda kurang bernilai daripada seorang pengundi di Putrajaya. Saya berharap Tuan Pengerusi dapat mengambil tahu tentang keadaan ini.*

*Through the PR system, it is also hoped that more representation of minority group can participate. It is because any group, any NGO, any women's group can submit their party list, their list of names to participate through a proportional of system whereby if they gain a minimum threshold of national votes, says for example 5% of national votes, they will be entitled to 5% of seats. So in conclusion, I would like to urge the committee to recommend that royal commission of inquiry be called at least on the issue of mal-apportionment, gerrymandering and other instances of disparity of constituency. How that happen after many years? We would like to know and although many elections on Malaysia history there has been sufficient data to show that disparity between the popular vote and number of seats won has allowed the ruling party to a long control of Parliament.*

*This is time for more proportionate representation. I hope the committee can do it best and I wish you all the very best on your quest to bring about progressive reforms to electoral system in Malaysia. Thank you.*

**Tuan Pengerusi:** *Thank you very much Mr. Ng Eng Kiat. Thank you very much.*

**Encik Ng Eng Kiat:** *Ya. Welcome.*

**Tuan Pengerusi:** *Kumpulan seterusnya ialah daripada PKR Perak.*

*[Ahli-ahli Parti Keadilan Rakyat (PKR) Perak mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]*

**11.03 pg.**

**Tuan Chan Ming Kai [Parti Keadilan Rakyat (PKR) Perak (Yang Berhormat ADUN Simpang Pulai)]:** *Selamat pagi. Good morning.*

**Tuan Pengerusi:** *Alright. Go ahead Yang Berhormat.*

**Tuan Chan Ming Kai:** *Okey. Selamat pagi kepada Tuan Pengerusi dan juga rakan-rakan dari pejabat-pejabat dan juga dari Parlimen, PSC Committee. Pertama sekali saya memperkenalkan saya sendiri dahulu.*

Saya Chan Ming Kai dari negeri Perak selaku Timbalan Pengerusi untuk Jawatankuasa Pilihan Raya Negeri Perak bagi Parti Keadilan Rakyat dan sebelah saya Puan Azlina binti Adnan selaku juga Penolong Setiausaha untuk Jawatankuasa Pilihan Raya Negeri Perak untuk Parti Keadilan Rakyat. Saya baru pagi tadi dari Ipoh, so mungkin persiapan ini kalau perlu lebih masa untuk bentangkan terhadap bagi Sabah dan kawan-kawan.

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat. *You* Yang Berhormat ADUN...

**Tuan Chan Ming Kai:** Ya. Saya juga wakil rakyat dari Simpang Pulai, Perak. Tuan Pengerusi sudah dapat saya punya *handout* semua ya? Okey. Selamat pagi semua. Sebenarnya saya hendak tunjukkan *power point* untuk semua hadirin, tetapi dimaklumkan bahawa teknikal ini tidak dapat hendak selesai. So saya terpaksa secara verbal dan kalau kawan-kawan pihak PSHC ada pertanyaan ataupun dialog, boleh secara terus kita bangkitkan untuk kita cuba sesi soal jawab jugalah. Okey.

Sebenarnya beberapa isu yang saya ingin bangkitkan pagi ini, ia kepada beberapa kategorilah. Dalam kategori ini saya rasa hampir semua boleh dilaksanakan di samping ada enakmen baru ataupun perubahan dari segi akta. Cuma yang perlu diubahsuai dari segi akta, contohnya undi pos ini pertama yang ingin saya bangkitkan isu. Manakala yang lain adalah belah bahagian kawasan, kemas kini daftar pemilih, kaedah pendaftaran pengundi baru dan tukar alamat dan juga maklumat lengkap pemilih dan akhirnya urus tadbir perjalanan proses pilihan raya.

Sebelum kita memberi cadangan-cadangan, kita harap juga boleh ada kesempatan untuk kita kemukakan masalah yang kita dapat kesan. Pertama, kategori kepada undi pos khususnya untuk undi pos, saya difahamkan bahawa juga ada ramai yang pembentang ini sudah cerita tentang isu undi pos. Saya cuma ingin memberi sedikit sebanyak sumbangan dari perspektif ataupun bukti yang kita dapat di negeri Perak khususnya. Saya beri satu contoh, di negeri Perak ada tiga tempat yang ada kem besar. Satu untuk tentera udara di Parlimen Gopeng, tentera darat di bawah Taiping Kemunting dan tentera laut di Lumut Pangkor. Mengikut rekod yang kita ada sampai tahun 2009, sebenarnya jumlah pengundi DUN Pangkor adalah 20,933 orang manakala pengundi pos adalah 10,702 orang. Maksudnya pada tahun 2009, pengundi pos di salah satu DUN sahaja sudah melebihi 51%. *More than half is* undi pos dalam satu DUN. Itu DUN Menteri Besar sekaranglah, Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Zambry Abdul Kadir.

Manakala yang kita ingin ceritakan di sini, selepas tahun 2009. Setiap suku tahun, setiap tiga bulan, ada penambahan juga pengundi pos yang kita nampak amat terlampau sedikit. Contohnya, dari tahun 2010 suku tahun kedua, penambahan pengundi pos seramai 1,566.

Manakala yang dikurangkan, contohnya pesara-pesara, tukar tempat mengundi ataupun kematian cuma 110 orang. Paling ketara adalah suku tahun ketiga 2010, yang peningkatan pengundi baru di seluruh Malaysia khususnya di Semenanjung setahu saya. Pada waktu itu juga penambahan pengundi pos sudah seramai 4,097 orang untuk satu DUN Pangkor sahaja. Akan tetapi yang kurang, 81 orang sama ada pesara ataupun mati.

Akan tetapi, ada satu fakta yang amat menarik adalah pada rang, maksudnya sebelum digazet ada rang pengundi begitu yang boleh disemak oleh orang awam. Rang dia ada pengundi baru 4,097 orang. Selepas itu ada bantahan. Saya sendiri pun ada kemukakan isu ini dalam surat khabar. Selepas itu digazet jumlah pengundi, cuma 1,996. Saya dituduh bahawa SPR kata saya beri fakta yang salah, tetapi fakta yang saya dapat adalah dari rang SPR. Di sini kalau ada *copy* yang diberi kepada panel *list*, kita nampak di sini. Suku tahun ketiga 2010, jumlah pemilih 4,189 orang adalah *transaction* keluar-masuk, tetapi di antara 4,000 ini hampir semua adalah pengundi baru masuk. Akan tetapi selepas digazet, 2,100 orang hilang. Maka kita tanya SPR, siapa pergi daftar ke 4,000 lebih tetapi pada waktu gazet 2,000 orang tidak ada. Adakah 2,000 orang itu tersilap daftar ataupun sebab ada bantahan, tetapi barulah sedar ada masalah, baru ambil keluar.

Ini kerana yang pentingnya, bukan orang biasa ataupun ARO biasa boleh pergi daftarkan pengundi pos. Saya kalau tidak pangkat ARO pun saya tidak boleh masuk kem untuk daftarkan mereka. SPR pun akan lantik ARO dari kem untuk daftarkan pengundi. Saya pernah nampak cara mereka hantar satu set ribu-ribu borang, hantar borang A kepada SPR dan SPR tidak dapat hendak kesan betulkah mereka ini duduk sana. Akan tetapi oleh sebab kem sahaja yang boleh kesan, maka dia terpaksa terima pengundi baru itu. Akan tetapi selepas gazet terkurang 2,000 orang, bila kita bangkitkan soalan ini, tidak dijawab bahawa seramai 2,000 orang itu tersilap daftarkah ataupun apa masalah. Ini kerana kalaulah 2,000 pengundi pos yang dalam rang ada tunjuk tetapi dalam gazet tidak ada, maksudnya sama ada telah ada bantahan bahawa adalah palsu dikeluarkan ataupun ada *mistake* dari segi pada waktu daftar.

Kalau begitu, ARO yang daftarkan 2,000 lebih kesalahan itu, bagi saya itu satu kesalahan yang cukup besar. Kita perlu *trace* kerana mereka ini yang boleh daftarkan pengundi baru pos dalam kem itu setiap suku tahun. Ini kerana selepas potong suku tahun ketiga, masuk lagi pada suku tahun pertama 2011 ini. Ada lagi hampir 4,000 pengundi pos baru di DUN yang serupa iaitu 1,173 pendaftaran baru dan 2,593 pendaftaran yang pindah masuk dalam DUN Pangkor. Manakala yang keluar adalah 1,449 orang. Maksudnya dalam hampir satu tahun setengah, yang sudah masuk pengundi baru pos dalam satu DUN hampir 5,000 orang. Di antaranya lebih daripada separuh adalah isteri kepada tentera.

Apa persoalan yang kita hendak bangkitkan di sini adalah sekarang dalam satu DUN ini, pengundi pos sudah hampir 60% untuk jumlah pengundi. Sebanyak 40% yang duduk di sana tidak dapat hendak undi sesiapa kerana kalaulah 60% mereka yang pos ini menentukan siapa wakil rakyat itu. Yang penting, proses kita pertikaikan bahawa bagaimana kita pastikan dengan isteri tentera itu dia sendiri sanggup hendak dijadikan pengundi pos? Ini kerana apabila kita tanya isteri, SPR jawab mereka diberi peluang untuk pilih sama ada mereka hendak menjadi pengundi pos atau tidak.

Akan tetapi dalam senarai yang kita nampak sini, saya anggap bagaimana tiba-tiba ada kesanggupan semua isteri tentera ini pergi daftar pada waktu yang sama, dalam satu suku tahun, masa dalam tiga bulan, hampir 3,000 hingga 4,000, semua beratur pergi daftar sebagai pengundi pos. Adakah mereka ini diberi arahan untuk pergi daftar ataupun nama mereka kerana dalam rekod, terus ambil daftar sebagai pengundi pos sedangkan mereka sendiri tidak sedar kerana ini adalah satu isu yang cukup penting. Kalau sampai sekarang tidak ada lagi satu *guideline* yang dapat kita buktikan bahawa SPR dapat kesan betulkah mereka ini sanggup untuk daftar. Ini kerana bukan SPR punya pegawai masuk untuk daftarkan, kem yang hantar. Ini termasuk juga yang tukar alamat. Kalaulah ARO biasa pergi daftar pengundi, tukar alamat kita ikut IC. Alamat IC. Kalau sudah tukar alamat, baru kita kata anda sudah tukar ke tempat *permanent*, kita daftarkan di sini.

Akan tetapi pegawai SPR sendiri tidak boleh hendak masuk kem untuk menentukan bahawa pemohon ini memang dia duduk di kem sana. Tukar alamat pun ARO dalam kem yang laksanakan di mana ARO biasa tidak dibenarkan untuk laksanakan. ARO dari parti, dalam NGO cuma boleh daftar pengundi baru, tidak boleh daftar pengundi tukar alamat tetapi kem boleh. Kalau begitu, adakah ini diberi peluang tentera untuk penolong pendaftar dalam kem itu untuk daftarkan pindah sini sana. Ini yang isu kita rasa kerana kita nampak baru-baru ini yang daftar pemilih baru pengundi pos cukup ramai. Kebanyakan daripada itu adalah isteri tentera, tetapi bagaimana kita hendak semak mereka ini sanggup atau tidak. Tidak dapat hendak *trace* alamat mereka, tidak dapat hendak tanya dan tidak dapat hendak hantar seorang RM100 untuk pergi semak. Kita anggap ini adalah satu isu yang besar kerana kita diberi makluman juga kawan-kawan dari tentera juga, isteri mereka sebenarnya bukan sanggup tidak sanggup, tetapi atasan yang beri kata perlu daftar pengundi pos. Saya rasa cukup serius.

Ini termasuk juga anggota tentera yang kalaulah mereka ada dalam latihan baru, kita panggil *new recruitment* bagi anggota baru, mereka dalam satu kem cuma enam bulan. Maka kalau enam bulan selepas latihan, mereka *confirm* akan di*transfer* ke tempat lain.

Maka haruslah ada bantuan ataupun ada peraturan bahawa *new recruitment* bagi anggota tentera ini tidak boleh daftar sebagai pengundi pos pada waktu enam bulan di mana mereka dalam kem itu. Ini kerana mereka bukan kira penetap di kawasan kem itu. Ini saya rasa kita perlu catat dalam peraturan yang secara jelasnya.

Saya dimaklumkan bahawa sebenarnya ada wujudnya satu senarai. Ini satu senarai yang cukup hebat, saya tidak pernah dengar. Ada satu senarai jumlah anggota tentera dan polis yang tidak keluar mengundi dan tidak akan keluar mengundi.

■ 1115

Ini kerana mereka diberi tugas kepada satu tempat yang kononnya tidak boleh dimaklumkan kepada orang awam kerana adalah *confidential* dan mereka tidak boleh undi. Ada senarai tersebut bahawa contohnya ada empat ribu dalam kem ini, mungkin dua ribu ini sudah diserahkan kepada tempat spesifik bertugas pada sepanjang masa yang tidak akan kembali untuk undi atau tidak akan undi pos balik undi tersebut. Ada senarai tersebut, kalau ada pegawai SPR yang boleh mengesahkan bahawa kerana setiap kali ada tempat dan kem yang ada pengundi pos contohnya di Pangkor 12,000 tetapi setiap tahun yang undi hampir 7,000, 8,000. Maka setiap kali undi ada hampir 30% to 40% yang *confirm* tidak undi. Sama ada alasan mereka diberikan tugas yang sulit yang tidak akan mengundi. Kalau ada wujud senarai tersebut, haruslah dicadangkan bahawa ada satu senarai ini dibekalkan kepada wakil parti politik apabila kita semak. Kalau tidak kita tidak dapat semak sama ada dia datang undi atau tidak, kerana *confirm* dia tidak datang undi, tetapi ada orang undi atas nama beliau, bagaimana? Itu yang penting.

Saya ingin menegaskan di sini sebenarnya mengapa kita rasa tidak adil untuk pengundi pos, pengundi tentera apabila mengundi kerana ada sekatan-sekatan dan tekanan kepada mereka dan sampai mereka tidak boleh mengundi secara adil ataupun ikut suka hati sendiri. Bayangkan apa dalam peraturan-peraturan pilihan raya pengundi pos. Sebenarnya pengundi pos pada waktu mengundi mereka kena isi Borang 2. Nama Borang 2 ini adalah satu borang untuk pengisytiharan identiti. Maksudnya saya undi tentera, saya pangkah undi saya kena isi satu borang kata saya siapa, saya Chan Ming Kai dari kem mana nombor kertas undi saya tercatat dalam borang itu dan termasuk sekali dengan kertas undi. Siapa berani masukkan sekali nombor kertas undi sama dengan undi dengan kertas undi berapa dengan kertas undi sekali. Sedangkan Borang 2 ini kena tandatangan di hadapan saksi yang barangkali mungkin kapten mereka untuk menyaksikan bahawa okey, engkau di sini pangkah.

Tandatangan Borang 2 ini, betul *you* ini Chan Ming Kai, okey, tentera di sini. Selepas itu masuk dengan kertas undi dalam *envelope* sampul surat 'B', hantar.

Apabila semak ikut Peraturan Pilihan raya 15 8(A) dan 9(A) pegawai pun semak nombor kertas undi serupa dengan Borang 2 ini, maka boleh semak tentera mana undi siapa. Dalam keadaan begitu bolehkah mereka ini undi secara ikut kesukaan mereka sendiri secara *free* dan *fair*. Ini saya rasa jawatankuasa kena *study* perlu ada perubahan dari segi peraturan. Bukan setakat arahan dari SPR kita boleh ubah suai.

**Tuan Pengerusi:** Kita ambil perhatian bahawa cadangan sekarang ini apabila dibenarkan undi pos. Apabila dikenakan undi pos semua atur cara semua dikendalikan oleh pegawai-pegawai SPR. Tidak lagi pegawai tentera ataupun pegawai-pegawai polis.

**Tuan Chan Ming Kai:** Akan tetapi adakah dalam Borang 2 ini mereka terpaksa....

**Tuan Pengerusi:** Dia tidak ada sekarang ini, *we are talking* undi awal, bukan undi pos lagi.

**Tuan Chan Ming Kai:** Undi awal adakah mereka perlu tandatangan?

**Tuan Pengerusi:** Tidak payah, dia undi awal macam undi biasa.

**Tuan Chan Ming Kai:** Akan tetapi adakah undi awal mereka perlu undi dalam kem? Ini adalah satu isu yang penting.

**Tuan Pengerusi:** Nanti sekejap Yang Berhormat, dalam kem tetapi Yang Berhormat kalau bertanding sekali Yang Berhormat boleh hantar wakil calon, *counting* agen semua Yang Berhormat boleh hantar. Macam undi biasa.

**Tuan Chan Ming Kai:** Ada isu yang dibangkitkan oleh bekas-bekas tentera kepada kita, dia kata sebenarnya kalaulah mereka boleh undi di tempat sama, saya rasa mereka layak untuk undi di sekolah biasa, dewan biasa. Ini kerana dalam kem sendiri itu ialah suasana yang kena ikut arahan minta maaf saya cakap. Kalau mereka bukan hendak poskan undi mereka, apa salahnya mereka undi serupa dengan pengundi biasa, pengundi awam di dewan di sekolah yang berhampiran. Saya rasa dari segi psikologi satu tekanan kalau mereka terpaksa undi di kawasan yang mereka bertugas di bawah arahan...

**Tuan Pengerusi:** Tidak ada arahan apa-apa pun. Apabila diundi, tidak ada pegawai di situ. Semua dikendalikan oleh pegawai-pegawai SPR.

**Tuan Chan Ming Kai:** Saya faham.

**Tuan Pengerusi:** *No more general*, kaptenkah di situ.

**Tuan Chan Ming Kai:** Adakah ketidakhadiran kapten itu ditulis dalam peraturan bahawa mereka tidak boleh masuk? Itu sangat penting.

**Tuan Pengerusi:** Memang begitu dikendalikan, *this is new* cara yang dicadangkan oleh SPR jika kita mencadangkan agar...

**Tuan Chan Ming Kai:** Sekarang adakah PSC cadangkan...

**Tuan Pengerusi:** Yes kita mencadangkan...



**Tuan Chan Ming Kai:** ...Supaya menghalang kapten mereka masuk untuk menyaksikan undi tersebut?

**Tuan Pengerusi:** *Yes.*

**Tuan Chan Ming Kai:** Okey, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** *Go ahead* Yang Berhormat.

**Tuan Chan Ming Kai:** Okey, *thank you.* Saya rasa tidak ada masalah kalau kita boleh memaparkan juga kerana apabila kita paparkan nama ataupun pengundi baru pengundi pos, sebenarnya memaparkan nombor tentera mereka, tetapi sebenarnya nombor IC mereka bukan sesuatu yang sulit. Bagi saya apa salahnya kita paparkan nombor tentera dan nombor IC, dan pada waktu yang sama kita boleh semak, orang awam boleh semak sama ada nombor IC boleh dijadikan pengundi yang seorang lagi undi di tempat lain. Ini kerana pada waktu *transfer* mereka dari undi awam kepada undi pos, ada juga nombor IC, cuma kita tidak dapat hendak semak pada waktu memaparkan undi pos. Maka saya cadangkan pada waktu memaparkan pengundi pos, haruslah memaparkan juga nombor IC mereka. Orang awam boleh terus semak adakah pengundi pos ini pada waktu yang sama pengundi awam di kawasan lain. Saya rasa ini bukan kesusahan dari segi prosedur.

Perlu diberi peluang untuk isteri tentera di mana mereka tidak boleh membawa tekanan untuk menjadikan pengundi pos sedangkan kalau mereka duduk di kawasan tersebut. Kita cadangkan juga pekerja dan pelajar yang berada di luar negara harus juga diberi peluang untuk menjadi pengundi pos juga. Kita hendak cadangkan bawah oleh kerana kedua senarai yang dicadangkan dibekalkan kepada wakil parti adalah senarai lengkap anggota yang tidak keluar mengundi. *Unless* SPR kata tidak ada senarai tersebut, semua anggota akan keluar mengundi. Kalau begitu, kita hendak tahu di mana mereka bertugas, di mana mereka mengundi. Ini kerana kita dimaklumkan bahawa memang ada satu senarai di mana *confirm* senarai polis ini tidak akan mengundi. Kalau betul mereka tidak boleh mengundi, sila bekalkan senarai itu kepada wakil parti pada waktu yang sama. Termasuk juga maklumat lengkap para petugas SPR yang mengundi awal. Okey, saya rasa sudah selesaikan bab undi pos.

Sekarang saya akan masuk bab kedua, belah bahagi kawasan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, semua belah bahagian dilaksanakan oleh SPR setahun dua kali, kononnya dua kali tetapi kadang-kadang kerana kesuntukan masa *date* panjang sedikit. Maksud belah bahagi ada beberapa jenis sama ada cantumkan dalam mengundi atau lokaliti. Akan tetapi bahawa salah satu jenis belah bahagi jenis V(a) untuk jenis belah bahagi adalah membetulkan kedudukan lokaliti berdasarkan kedudukan sebenar pemilik di lapangan. Maksudnya kalau SPR rasa telah silap letak di sini, kita kena betulkan di tempat lain.

Akan tetapi mengikut jenis V(a) ini, tiada halangan bahawa pertukaran lokaliti itu boleh *cross boundary constituency* DUN atau Parlimen. Yang paling menarik adalah apa yang berlaku di negeri Perak ada satu DUN sebelah saya dahulu di bawah Parlimen Gopeng satu taman lapangannya cuma pengundi 300 lebih. Tahun 1999, mereka ini mengundi di bawah Parlimen Gopeng, tetapi sampai 2004 ada belah bahagi, mereka kononnya salah letak.

Maka kepada DUN Pasir Pinji di bawah Parlimen Ipoh Timur maka kita anggap salah letak sekali. Akan tetapi sekarang 2009 kawasan taman lapangan ini dipindah masuk semula kepada tempat asalnya dia dahulu undi sebelum berlakunya belah bahagi kali pertama. Adakah bermaksud belah bahagi ini diguna pakai apabila mereka rasa suka, di mana belah bahagi ini kalau salah letak sekali, bolehkah kata silap letak kali kedua tempat yang sama. Kalau asalnya Parlimen Gopeng silap letak, letak di Ipoh Timur. Selepas dua, tiga tahun, rasa sudah silap letak, letak kembali Parlimen Gopeng. Macam mana panduan atau *guide line* untuk kita tentukan itu adalah salah letak. Ini yang kami rasa adakah ini kuasa diberi untuk SPR di mana mereka boleh pindah lokaliti ini walaupun kononnya ikut kesalahan, kesilapan dibetulkan balik. Akan tetapi kita anggap ada juga ruang untuk dimanipulasikan. Saya harap jawatankuasa mengambil perhatian kerana kuasa belah bahagi V(a) ini adalah belah bahagi yang paling banyak setiap kali belah bahagi yang berlaku. Contoh dalam belah bahagi tahun lepas Cuma 10% adalah jenis I, II, III dan IV, tetapi hampir 90% jenis belah bahagi V(a).

Maksudnya setiap kali setahun dua kali jenis belah bahagi V(a) ini, dia ubah suai cukup banyak daerah dan lokaliti. Yang penting kalau tukar DUN dan Parlimen, akan memberi kesan kepada keputusan dan juga orang yang undi itu dia sudah ubah kata dahulu saya undi Yang Berhormat Dr. Lee Boon Chye, sekarang di kawasan Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang tiba-tiba sekarang saya undi Yang Berhormat Dr. Lee Boon Chye. Ini bagi kita tidak harus berlaku.

Ketiga berkaitan dengan kemas kini daftar pemilik. Beberapa bulan sebelum ini, saya pernah membongkarkan satu fakta di mana di negeri Perak pengundi paling tua 131 umurnya. Nama Nazmi bin Harun di DUN Kenering mengikut senarai yang kita dapat. Seluruh Perak yang melebihi umur 100 tahun adalah 1,314 orang. Rupanya kalau duduk di Perak boleh panjang umur mungkin. Akan tetapi apa yang berlaku, apabila kita kemukakan fakta ini SPR mulamulanya memberitahu, kita tidak dapat kesan kerana kalau mereka tidak *report* kematian semua, tetapi terbuktinya dalam suku tahun ketiga 2011 ini ada senarai, ini usaha dari SPR bahawa senarai yang diragui kalau tidak dapat dikesan akan dibersihkan. Selepas itu kita nampak semua nama ini ada dalam senarai yang diragui. Apabila kita berhubung dengan SPR, pegawai SPR maklumkan bahawa sebenarnya boleh mendapatkan maklumat daripada Jabatan Pendaftaran kematiankah semua. Cuma dahulu mereka tidak pernah buat macam itu.

Maka kita rasa semua ini sebenarnya boleh dilaksanakan, pada waktu dahulu pun boleh dilaksanakan. Selepas ada kempen bersihkan macam-macam sekarang kita ada satu senarai yang diragui dan dibersihkan. Maka kita harap dan kita minta supaya projek dan cara kemas kini daftar pemilihan ini perlu diteruskan dari semasa ke semasa. Bukan sebab ada kompelin baru hendak laksanakan. Ini kerana akan dimanipulasikan kalau nama tersebut sampai 150 masih wujud dan kita rasa tidak begitu munasabah. Harus perlu ambil berat.

**Tuan Pengerusi:** Ada cadangan dari kumpulan yang lain mengatakan jangan buang, kekalkan takut-takut dia ini masih hidup lagi. Akan tetapi dia itu meninggal umur dia 131 tahun umpamanyalah, jadi bagaimana?

**Tuan Chan Ming Kai:** Ya, pandangan kita adalah sebenarnya pegawai SPR juga maklum bahawa ada juga di kalangan yang tidak dapat dikesan, tetapi ada juga yang memang ada rekod di Jabatan Pendaftaran. Cuma pada zaman dahulu ada juga *report* kematian atau mereka tidak ada *report* kematian, mereka *report* di balai untuk sijil perkuburan. Akan tetapi salah satu juga merupakan bukti kematian tersebut, tetapi sejauh manakah SPR ada berhubung dengan jabatan-jabatan ini untuk mengemaskinikan ini atau cuma tunggu makluman bahawa ini sudah mati baru hendak dibersihkan. Sebenarnya ada inisiatif yang boleh cuba semak dan saya rasa *database* itu memang sudah hampir ada. Ini kerana baru-baru ini Skim Bantuan RM500 saya dimaklumkan oleh LHDN bahawa *database* mereka semua sudah *connect*. Kalau betul dia masuk dia kata dia bujang rupanya seorang sudah kahwin, seorang sudah mati, dia dapat *trace*.

Maka adalah *database* ini. Apa susahnyanya SPR ada kesinambungan dengan jabatan ini untuk mengesahkan ini. Cuma yang dapat kita kesankan sekarang itu SPR pun memang ada kerja untuk pergi *on the ground* tanya memang ada. Cuma kalau hendak buat apabila ada tekanan itu rasa haruslah diteruskan pada waktu biasa, bukan ada bantahan baru hendak teruskan.

**Tuan Pengerusi:** Kita ada pengundi lebih kurang 12 juta. Apa yang SPR membuat melalui JPN yang cuba mengesahkan 48 ribu atau 42 ribu yang nama-nama mereka diragui kerana tidak ada laporan langsung. Kalau JPN turun pergi ke bawah jumpa dengan polis apa semua tidak ada laporan yang mengatakan mereka lapor mati, sebab itu yang kita hantar kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat semua. Kami di sini bersetuju supaya dihantarkan senarai-senarai itu kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat kawasan, seperti Yang Berhormat sekarang inilah.

**Tuan Chan Ming Kai:** Okey, okey.

**Tuan Pengerusi:** Kalau Yang Berhormat punya kawasan ada katalah 70 orang, jadi tanggungjawab Yang Berhormat mengesahkan, adakah 70 orang itu mati atau masih hidup?

Jadi laporkan kepada JPN, tetapi sebelah pagi tadi ada pula yang mengatakan kami boleh lapor si polan-si polan sahaja tetapi yang baki itu jangan buang walaupun kita tidak jumpa. Macam mana hendak buat semua ini, *you tell me how?*

■ 1130

**Tuan Chan Ming Kai:** *You mean* yang tidak dapat dikesan?

**Tuan Pengerusi:** Ya, katalah kita hantar kepada Yang Berhormat kawasan Yang Berhormat ada 70 orang yang diragui. Yang Berhormat pergilah usaha mencari dapatkan katalah umpamanya 30 orang masih hidup tetapi dia uzur tetapi dia masih hidup. Manakala yang 40 orang lagi itu tidak dapat dikesan, apa hendak dibuat kepada 40 orang lagi itu?

**Tuan Chan Ming Kai:** Saya rasa kita perlu ada satu penetapan. Kalaulah segala usaha yang kita usahakan itu tidak dapat dikesan tidakkanlah kita hendak benarkan kita kena ada *record* itu kalau tiba-tiba ada orang undi atas nama itu. Itulah terjadi masalah. Sama ada kita dapat *track* orang itu adakah benar.

**Tuan Pengerusi:** So, kita buang nama yang 40 orang itu.

**Tuan Chan Ming Kai:** Kita boleh letakkan di dalam senarai yang diragui seperti ini yang sepatutnya apa yang dibuat sekarang ini kalau selepas dipaparkan digazetkan berapa? Tidak ada, tidak dapat dikesan orang ini maka dibersihkan daripada daftar pengundi. Memang yang kita buat sekarang cuma sebelum ini sudah sesat beberapa tahun ini, serupa dan saya harapkan selepas ini yang penting oleh kerana zaman dulu kalau kita kata, Oh! Sudah mati kita kubur sahaja tidak *report*. Sekarang tidak adalah kalau mati kubur tidak *report* ini kira *criminal*. So, haruslah tidak akan wujud lagi...

**Tuan Pengerusi:** Selepas ini.

**Tuan Chan Ming Kai:** Selepas ini.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Tuan Chan Ming Kai:** Bab yang keempat, kaedah pendaftaran pengundi. Di negeri Perak sebenarnya baru bermula 1 November SPR minta juga bahawa dikepilkan juga fotostat kad pengenalan dan saya dimaklumkan juga bahawa Selangor sudah laksanakan ini beberapa bulan ataupun setahun lebih sebelum ini. Akan tetapi, saya rasa ini amat menyusahkan dari segi pendaftaran pengundi baru. Walaupun mungkin pihak SPR kata cara ini adalah cara untuk mengesankan sama ada silap daftarkah ataupun ada sabotaj daripada mana-mana pihak.

Akan tetapi, apa yang kita nampak adalah SPR sendiri pergi daftar pengundi baru pun kalau mereka tercicir sesuatu maklumat senang sahaja mereka tulis ikut maklumat JPN. Ini kerana mereka ada *online database* dengan JPN. Alamat semua ada. Walaupun kalau kita masuk pengundi baru sama ada mempunyai fotostat IC ataupun tidak ada fotostat IC SPR pun akan semak dengan JPN sama ada orang ini betul atau tidak.

Maka saya tidak nampak apa *necessity* untuk kita hantar fotostat IC yang barangkali sekarang memang menyusahkan pengundi baru untuk mendaftar.

Sedangkan pengundi baru bukan senang boleh didaftarkan merata-rata tempat walaupun ada *post office* tetapi saya rasa bagi *Assistant Register Officer* (ARO) memang kita susah hendak fotostat IC untuk daftar pengundi baru ini. Sedangkan SPR sudah ada data ini dari JPN memang ada *online link* dengan JPN untuk *verified*kan nama itu. Sudah jelas okey. Yang penting tukar alamat selalunya kita kata sudah pindah alamat baru tetapi mereka selepas tukar IC terpaksa pergi SPR untuk tukar alamat mengundi. Adakah kita ada cara yang lebih senang untuk melicinkan pertukaran alamat tersebut sama ada waktu tukar alamat IC boleh mereka buat permohonan tukar alamat tempat mengundi serentak ataupun terpaksa mereka pergi ke pejabat pos sekali lagi untuk tukar alamat.

Oleh kerana ini tidak ada satu cara yang senang ataupun licin maka selalunya wujudnya kawasan-kawasan bandar yang baru walaupun ramai pengundi kita terpaksa kita kena *serve* mereka tetapi mereka mengundi di kawasan lama. Kononnya, susah hendak cari tempat untuk tukar alamat mengundi. Saya rasa ini boleh diselesaikan dengan usaha dengan JPN dengan SPR. Contohnya, pada waktu tukar alamat IC pada waktu serentak bolehlah bagi peluang untuk mereka tukar tempat mengundi pada waktu yang sama. Sekarang ada ramai pendaftaran pengundi baru, kalau ditolak tidak dimaklumkan apa alasan.

Dulu apabila saya daftar pengundi baru tetapi ditolak SPR kembalikan borang tersebut catat juga apa alasan yang ditolak. Akan tetapi sekarang tidak ada maka kita tidak tahu sebab apa yang ditolak ataupun selepas setengah tahun baru difahami bahawa ditolak. Terpaksa daftar semula maksudnya kita hampir masa setahun untuk berjaya mendaftar seorang pengundi baru. Kita kadang-kadang dimarah juga kerana kita sendiri pun tidak tahu pun sudah ditolak. Dulu setahu saya, SPR memang kembalikan borang yang ditolak tetapi sekarang tidak dibekalkan. Maka semua keadaan ini menyekatkan pengundi baru untuk daftar sebagai pengundi ataupun tukar alamat kepada tempat yang sesuai.

Bab yang kelima, semua parti ataupun NGO boleh beli maklumat dari SPR sama ada maklumat petakah dan juga maklumat pengundi. Akan tetapi, setahu kita SPR mempunyai maklumat yang cukup lengkap termasuk nama, nombor IC, status pengundi itu pengundi poskah, pengundi awam ataupun kaum dan agama semua. Akan tetapi, apabila parti membeli kita bayar membeli pendaftar pemilih induk lima ribu lebihkah satu negeri kita semua dibekalkan nama, IC, alamat yang tidak penuh, tidak ada agama, tidak ada kaum.

**Tuan Pengerusi:** Saya setuju, saya setuju sekarang.

**Tuan Chan Ming Kai:** Sudah setuju.

**Tuan Pengerusi:** Yes. Dia akan bagi CD.

**Tuan Chan Ming Kai:** Kalau boleh kita *advance* sikit kita buatlah sistem *upgrade*. Kalau kita sudah beli *software* satu selepas itu kita boleh *up grade* setiap tiga bulan tidak payah kita beli satu pendaftar pengundi untuk selepas itu beli lagi tiga bulan itu CD kita terpaksa masuk satu-satu. Kalau boleh *advancelah*...

**Tuan Pengerusi:** Boleh, boleh.

**Tuan Chan Ming Kai:** Boleh?

**Tuan Pengerusi:** *Insya-Allah*.

**Tuan Chan Ming Kai:** Okey, akhirnya saya ingin bantah tentang bab urus tadbir perjalanan pilihan raya yang saya rasa kalau kita siapkan semua data semua tetapi pada waktu perjalanan pilihan raya kita rasa ada perkara yang tidak profesional dari pegawai SPR ataupun mereka tidak dapat *free* daripada tekanan maka tidak dapat ada keputusan yang adil. Saya bayangkan apa yang selalu kita hadapi adalah pegawai-pegawai ataupun Ketua Tempat Mengundi (KTM) enggan tandatangan dalam Borang 13, dan Borang 14 di mana wakil parti *polling agent*, *counting agent* haruslah ambil balik borang itu yang sudah disahkan oleh ketua daerah, Ketua Tempat Mengundi.

Maka akhirnya selepas kira semua undi semua kalau Ketua Tempat Mengundi enggan untuk tandatangan Borang 13, Borang 14 apa yang kita boleh buat? Adakah dalam peraturan ini kita menetapkan bahawa kalau ketua tempat mengundi itu tidak tandatangan di dalam Borang 13, Borang 14 adalah satu kesalahan, *criminal* ataupun mereka boleh buat keputusan sama ada hendak tanda tangan ataupun tidak.

**Tuan Pengerusi:** Itulah telah dipinda. Bermula pada bulan Jun dengan Borang 13, Borang 14 Sekarang Ini.

**Tuan Chan Ming Kai:** Kalau tidak tanda tangan akan jadi...

**Tuan Pengerusi:** Mesti ditandatangani oleh KTM dan mesti juga ditandatangani oleh agen dan mesti diserahkan kepada agen satu salinan.

**Tuan Chan Ming Kai:** Ya, tetapi kalau tidak ditandatangani, adakah apa-apa *punishment*?

**Tuan Pengerusi:** Ada, dalam peraturan kita, kalau pegawai KTM tidak menjalankan tugas ada *punishment* terhadap dia.

**Tuan Chan Ming Kai:** Ini kerana masalahnya kalau kita kata, Oh! Kalau tidak, maka kita boleh *lodge complaint* kepada sesiapa maka akhirnya *result* sudah keluar baru *lodge complain* apa ubahnya. Maksud saya macam itulah kena ada profesional. Ini kerana apa saya hendak bangkitkan ini kerana satu isu yang penting yang saya kena bangkitkan khususnya mungkin saya rasa bukan berlaku di negeri Perak sahaja.

Apa yang berlaku pada negeri Perak contohnya pada tahun 2008, di DUN Teja dan Parlimen Lumut dua-dua tempat yang menang kalah tipis berlaku satu insiden yang serupa kita panggil modus operandi. Menutup lampu pada saat-saat kritikal.

Apabila DUN Teja kira undi kita nampak ada satu percanggahan. *Result*, keputusan undi itu paparkan dalam skrin, adalah menang BN. Akan tetapi, di dalam kiraan Borang 14 adalah menang PKR. Pada waktu itu hanya dengan *incharged* masa itu DO yang *inchargekan* di pusat mengundi. Mereka mengaku bahawa ada silap dari skrin sana tetapi mereka enggan hendak betulkan. Sampai mereka hendak *facekan* keputusan ikut skrin yang silap itu terpaksa saya kasar sikit pergi rampas kertas itu. Baru kita “ting tong ting tong” kira semula barulah dapat menang. Bukan saya hendak menang atau kalah, masalahnya kalau pegawai pada waktu kritikal itu sebelum kira semula lampu tutup.

Bukan tutup sekali gus, satu-satu tutup - *pop, pop, pop*. Bukan putus elektrik. Itu memang tutup lampu dan tempat kritikal di Lumut yang kita kalah 200 lebih pun tutup lampu. Ini bukan berlaku cuma pilihan raya di Perak banyak lagi tempat *by election* semua berlaku. Saya hendak tanya ada apa cara kita boleh mengelakkan berlaku ini. Apabila berlaku apabila kita nampak skrin keputusan tidak betul dengan kiraan Borang 14...

**Tuan Pengerusi:** Kena bawa *torch light*lah.

